

PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA
Small and Medium Industries Development Corporation

LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2009



PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA
Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC)

Aras 20, West Wing, Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur
Tel : 603-6207 6000
Faks : 603-6201 6564
Infoline : 1-300-88-1801

KANDUNGAN

CONTENTS

Informasi Korporat

Corporate Information

Kenyataan Pengerusi <i>Chairman's Statement</i>	4
Ahli Perbadanan <i>Members of the Corporation</i>	8
Pengurusan Kanan <i>Senior Management</i>	22
Struktur Organisasi <i>Organisational Structure</i>	24
KPI dan Objektif <i>KPI and Objectives</i>	26
Fungsi SMIDEC <i>Functions of SMIDEC</i>	27
Fungsi Bahagian <i>Functions of Divisions</i>	28

Laporan Korporat

Corporate Report

Tinjauan <i>Overview</i>	32
Inisiatif Dasar Dalam Pembangunan EKS <i>Policy Initiatives in SME Development</i>	33
Prestasi Skim Bantuan Kewangan <i>Performance of Financial Assistance Schemes</i>	36
Program Pembangunan EKS <i>SME Development Programmes</i>	40
Kerjasama Antarabangsa <i>International Cooperation</i>	51
Program Capaian <i>Outreach Programmes</i>	54
Prospek <i>Outlook</i>	56
Artikel Kotak <i>Box Article</i>	57
Pelan Tindakan Bersepadu Tahunan PKS <i>The Annual SME Integrated Plan of Action</i>	
Krisis Ekonomi dan Kewangan Global Terhadap PKS <i>Impact of the Global Economic and Financial Crisis on SMEs</i>	

Ke Arah Transformasi Strategik <i>Towards Strategic Transformation</i>	63
---------------------------------------------------------------------------	----

Laporan Kewangan

Financial Report

Sijil Ketua Audit Negara <i>Certificate of the Auditor General</i>	66
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Perbadanan <i>Statement by the Chairman and a Member of the Corporation</i>	68
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana <i>Declaration by the Officer Primarily Responsible for the Financial Management of the Small and Medium Industries Development Corporation</i>	70
Lembaran Imbangan <i>Balance Sheet</i>	72
Penyata Pendapatan <i>Statement of Income</i>	74
Penyata Perubahan dalam Ekuiti <i>Statement of Changes in Equity</i>	76
Penyata Aliran Tunai <i>Cash Flow Statement</i>	78
Nota kepada Penyata Kewangan <i>Notes to the Financial Statements</i>	80

VISI

**UNTUK MENJADI ORGANISASI UTAMA DALAM
MEMBANGUNKAN EKS YANG MENYUMBANG
KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI DAN
PENINGKATAN DAYA SAING MALAYSIA**

VISION

*To be the Leading Organisation in Developing
SMEs that Contribute to the Economic Growth
and Enhancement of Malaysia's Competitiveness*



MISI

**UNTUK MENGUBAH SEKTOR EKS MENJADI
LEBIH BERTENAGA, BERDAYA SAING,
BERDAYA TAHAN DAN DIINTEGRASIKAN
SEPENUHNYA KE DALAM SEKTOR PEMBUATAN
DAN PERKHIDMATAN**

MISSION

*To transform SMEs to be Vibrant, Competitive
and Resilient and to be Fully Integrated into the
Manufacturing and Services Sectors*





Informasi Korporat

Corporate Information

Kenyataan Pengerusi <i>Chairman's Statement</i>	4
Ahli Perbadanan <i>Members of the Corporation</i>	8
Pengurusan Kanan <i>Senior Management</i>	22
Struktur Organisasi <i>Organisational Structure</i>	24
KPI dan Objektif <i>KPI and Objectives</i>	26
Fungsi SMIDEC <i>Functions of SMIDEC</i>	27
Fungsi Bahagian <i>Functions of Divisions</i>	28

KENYATAAN PENERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT



INILAH MASANYA UNTUK PERUBAHAN TERHADAP PROSES LAMA
DAN MENERIMA PAKAI KEMBALI AMALAN TERBAIK DALAM INDUSTRI...
SEMOGA PENJENAMAAN SEMULA SMIDEC KEPADA SME CORP.
MALAYSIA AKAN MENJADI TITIK TOLAK YANG BERMAKNA.

*Now is the time to bring changes to age old processes and adopt new
best practices back in the industry... May SMIDEC re-branding to
SME Corp. Malaysia become a historic moment.*

Bagi pihak Ahli Perbadanan, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Keempat Belas dan Akaun bagi tahun berakhir 31 Disember yang merupakan edisi terakhir bagi SMIDEC.

Krisis ekonomi 1997-1998 telah mengajar kita bahawa negara tidak boleh terlalu bergantung kepada pelaburan asing untuk merangsang pembangunan ekonomi. Ramai pelabur asing telah menarik keluar pelaburan mereka dan beralih ke destinasi baru yang lebih menguntungkan, khususnya yang menawarkan kos buruh yang lebih murah. PKS telah disasarkan sebagai mekanisma untuk menjana pelaburan tempatan dan merangsang pengembangan ekonomi. Walaupun Malaysia masih mampu menarik FDI, melonjakkan pengeluaran domestik dan eksport, serta mewujudkan peluang pekerjaan; namun usaha kita untuk mengukuhkan hubungan perindustrian dan mempertingkatkan rangka kerja institusi dalam bahagian-bahagian tertentu, dibebani oleh kurangnya pangkalan data nasional berpusat dan lengkap untuk pembangunan PKS. Mewujudkan sebuah perangkaan PKS yang menyeluruh, mutakhir, diselaraskan dan relevan adalah amat penting untuk menyokong proses membuat keputusan merumus dasar-dasar yang merangsang pembangunan, serta menilai dan memantau sumbangan PKS terhadap ekonomi dan prestasinya.

Sebagai suatu usaha ke arah memantapkan PKS, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program yang meliputi kesemua keperluan mereka dan dikategorikan ke dalam bantuan kewangan, pembinaan kapasiti dan khidmat sokongan perniagaan. Antara bantuan kewangan yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah pemberian geran dan pinjaman di bawah dana khas, pembiayaan ekuiti dan insentif cukai. Di samping pembinaan kapasiti seperti program-program pembangunan kemahiran, perkhidmatan sokongan yang disediakan turut meliputi khidmat nasihat, bantuan pembangunan produk dan promosi.

Tahun 2009 menggarap satu lagi mercu tanda bagi PKS di Malaysia apabila Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) telah dijenamakan semula sebagai SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia). SME Corp Malaysia mengambilalih peranan sebagai Agensi Penyelaras Pusat dalam pembangunan PKS di negara ini dengan fungsi yang meluas termasuk merumus dasar umum PKS, menyelaras pembangunan program bagi PKS, menyediakan khidmat nasihat perniagaan menyeluruh di bawah "Pusat Rujukan Setempat", serta berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK).

Bagi masyarakat perniagaan PKS, tahun 2009 telah terbukti sebagai tahun yang begitu mencabar dari segi berhadapan dengan kesan krisis kewangan global. Namun begitu, pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan melalui pengenalan pakej rangsangan yang membantu PKS meneruskan operasi sepanjang tempoh yang penuh dengan ketidakpastian ini. Saya sukacita menyatakan bahawa kita telah pun melepasi tempoh paling meruncing dalam krisis tersebut, dan kini, industri sedang mengorak langkah ke hadapan untuk mengukuhkan kedudukannya bagi menyokong pemulihan ekonomi. Hasil peningkatan aktiviti sektor swasta dan permintaan luaran dari negara-negara serantau, saya percaya bahawa ekonomi Malaysia akan kembali pulih dan diramal akan tumbuh lebih 5.0%

On behalf of the Members of the Corporation, I am pleased to present the fourteenth Annual Report and Accounts for the year ended 31 December and marked as the final edition for SMIDEC.

The economic crisis of 1997-1998 has taught us that the country cannot be overly-dependent on foreign direct investment to stimulate economic development. Many foreign investors withdrew their investments and relocate to new destinations which are more profitable, especially those that offer cheaper labour costs. SMEs have been targeted as the mechanism in generating domestic-led investment and stimulate economic expansion. While Malaysia has been able to attract FDI, boost domestic production and exports, and create employment opportunities; our efforts to strengthen industrial linkages and enhance the institutional framework have been, constrained by the lack of a centralised and comprehensive national database for the development of SMEs. The establishment of a comprehensive, current, coordinated and relevant SME statistics is vital in facilitating informed decision-making, formulating developmental policies, as well as evaluating and monitoring SME contribution to the economy and its performance.

As an initiative towards strengthening the SMEs, the Government has implemented various programmes which cover all their needs, categorising it into financial assistance, capacity building and business support services. Among the financial assistance offered by the Government are grants and loans provisions under special funds, equity financing and also tax incentives. The support services provided include advisory services, product development and promotional assistance; in addition to capacity building such as skill development programmes.

The year 2009 charted another milestone for SMEs in Malaysia, when the Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC) was rebranded as SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia). SME Corp. Malaysia assumes the role as the Central Coordinating Agency for SME development in the country with broad-based functions including formulation of SME general policies, coordination of development programmes for SMEs, provision of comprehensive business advisory services under the "One Referral Centre", as well as serving as the Secretariat to the National SME Development Council (NSDC).

KENYATAAN PENERUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT



pada 2010. Dalam usaha menyokong pertumbuhan perniagaan masing-masing, PKS perlu dilengkapi dan dikemaskini dengan pengetahuan industri semasa untuk mempersiapkan mereka bagi menghadapi perubahan dalam masyarakat perniagaan. Sebanyak 25 buah bengkel dan seminar telah dijalankan untuk tujuan ini pada tahun 2009 di seluruh negara, meliputi pelbagai topik termasuk amalan perniagaan terbaik, pematuhan halal, hal-hal berkaitan perundangan, peraturan perdagangan dan perindustrian, pengetahuan berhubung teknologi, serta info terkini berkaitan program-program sokongan bagi PKS. Sesi ini telah berjaya menarik 4,499 peserta dan menyediakan suatu landasan untuk bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman perniagaan di kalangan para peserta.

Selain daripada itu, SMIDEC juga telah menggalas tanggungjawab untuk mewujudkan sebuah program peningkatan bagi PKS Bumiputera yang digelar, Program Peningkatan Perniagaan Bumiputera (BEEP) melalui usaha sama dengan agensi di bawah Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain, seperti MARA, MARDI, MATRADE, SIRIM dan SME Bank. Di bawah Program ini, PKS Bumiputera akan mendapat manfaat daripada program-program bantuan bersepadu yang meliputi skim bantuan nasihat teknikal dan kewangan. Hingga akhir 2009, sejumlah 311 buah syarikat telah mendapat manfaat daripada Program ini, di mana 402 projek penambahbaikan telah diluluskan dengan geran berjumlah RM33.3 juta.

BEEP kini sedang dilaksanakan di Terengganu, Melaka dan Pulau Pinang. Pada tahun 2009, BEEP telah diperluaskan ke Johor dan Kelantan. Di bawah program tersebut, PKS yang mengambil bahagian akan dinilai menerusi kaedah diagnostik Penarafan Daya Saing bagi Peningkatan PKS (SCORE) di mana prestasi semasa mereka akan diberi penarafan, bidang-bidang yang boleh diperbaiki akan dikenal pasti dan pelan tindakan akan dibangunkan. Ini akan membantu mewujudkan inisiatif-inisiatif penambahbaikan serta bantuan yang diperlukan oleh syarikat. PKS kemudian akan dibantu dan dipantau untuk jangka masa selama tiga tahun. Daripada 311 buah syarikat yang mengambil bahagian di bawah BEEP, 40 telah menerima bantuan untuk jangka masa melebihi dua tahun. Berdasarkan sistem audit SCORE, 78% daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian telah menunjukkan peningkatan penarafan, yang ditampikan dalam beberapa bidang: termasuk menaiktaraf pembungkusan produk serta meninggikan jualan, kapasiti pengeluaran dan kemampuan.

For the SME business community, year 2009 had proved to be very challenging, in terms of facing the impact from the global financial crisis. However, various steps were taken by the Government through the introduction of stimulus package that helped SMEs to maintain their operation during this period of uncertainty. I am delighted to say that we have seen the worst of crisis, and the industry now has moved forward to strengthen its position to support the economic rebound. I believe that the Malaysian economy is expected to move back into position, and is anticipated to grow by more than 5.0% in 2010, resulting from intensification in private sector activities and external demand from regional countries. It is imperative for SMEs to be equipped and updated with the current industry knowledge in supporting their business growth, in order to prepare them for changes in the business community. A total of 25 workshops and seminars were conducted for this purpose in 2009 throughout the country, covering various topics including best business practices, halal compliance, legal matters, trade and industrial regulations, technology insights, as well as update on support programmes for SMEs. These sessions attracted 4,499 participants, and providing a platform to exchange business knowledge and experiences among the participants.

Besides that, SMIDEC also has undertaken the responsibility to create an enhancement programme for Bumiputeras SMEs called, Bumiputera Enterprise Enhancement Programme (BEEP) through collaboration with agencies under the State Government and others, such as MARA, MARDI, MATRADE, SIRIM, and SME Bank. Under this Programme, Bumiputera SMEs benefitted from integrated assistance programmes comprising technical advice and financial assistance schemes. As at end of 2009, a total of 311 companies had benefited from the Programme, in which 402 improvement projects were approved with grants amounting to RM33.3 million.





Walau bagaimanapun, PKS Malaysia perlu mempunyai kemampuan, kapasiti dan keanjalan untuk cepat menyesuaikan diri secara berkesan dengan faktor-faktor pasaran yang bersifat dinamik agar mampu mengharungi cabaran perubahan pasaran eksport, memenuhi corak permintaan baru yang unik kepada rantau dan negara-negara baru ini serta memenuhi keperluan pengeluaran mereka. Kemampuan ini berupa penyelesaian pengurusan perniagaan bersepadu yang mengendalikan semua jualan, pembiayaan, pembelian, inventori dan pengilangan serta menawarkan perspektif yang disatukan bagi operasi yang berlainan. Tahap pemahaman dan kemudahan untuk mendapatkan informasi, dengan mudah dapat menyediakan maklumat yang diperlukan oleh aktiviti perniagaan untuk membuat keputusan yang termaklum, bukan sekadar mengkaji rekod keputusan yang lalu.

Justeru, pada mesyuarat NSDC ke-9, Julai 2009, Pelan Tindakan Bersepadu PKS Tahunan (SMEIPA) telah diperkenalkan bagi memastikan perancangan, penyelarasan dan penyediaan berkesan semua program pembangunan PKS. Pelaksanaan program-program pembangunan PKS ini akan dikesan menggunakan pendekatan berasaskan *output* yang dinamakan sebagai Rangka Kerja Analisis Kesan Program PKS (IAFSP). Prestasi program tersebut dipantau untuk memastikan supaya ia berjaya mengemudi PKS untuk mencapai kemajuan dalam rantaian nilai. Pendekatan yang tersusun perlu ada di dalam perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan PKS dan skim bantuan kewangan oleh semua Kementerian dan agensi Kerajaan di seluruh negara, dan akhir sekali menyelaraskan program-program tersebut dengan objektif untuk mewujudkan PKS yang lebih dinamik, berdaya tahan, berdaya saing dan inovatif.

Inilah masanya untuk membawa perubahan terhadap proses lama dan menerima pakai kembali amalan terbaik yang wujud dalam industri. Pengajaran yang kita pelajari daripada krisis ekonomi Asia 1997-98 adalah sesuatu yang tidak akan kekal, dan syarikat-syarikat yang lebih berani dan lebih bersedia dengan produk yang sesuai, asas pelanggan dan proses perniagaan, akhirnya akan muncul lebih teguh dan mengatasi pesaing-pesaing yang lain.

Semoga penjenamaan semula SMIDEC kepada SME Corp. Malaysia akan menjadi titik tolak ke arah mencapai era baru dalam inovasi dan produktiviti di kalangan PKS.

Terima kasih.

BEEP is being implemented in Terengganu, Melaka and Pulau Pinang. In 2009, BEEP was extended to Johor and Kelantan. Under the programme, participating SMEs are evaluated through the SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE) diagnostic tool where their current performance is rated, areas for improvements identified, and action plans developed. This then facilitates the designing of improvement initiatives as well as assistance needed by the company. SMEs are then guided, assisted and monitored for a duration of three years. Out of 311 companies that have participated under BEEP, 40 received assistance for a period of more than two years. Based on SCORE auditing system, 78% of the participating companies showed improvements on the rating, which are indicated in some areas; including upgrading of product packaging, as well as increase in sales, production capacity and capability.

However, to be able to rise to the challenge of changing their export markets, meeting new patterns of demand that are unique to these new regions and nations, and meeting their requirements of production, Malaysian SMEs must have the capability, capacity and flexibility to quickly and effectively adapt to dynamic market forces. This capability comes in the form of an integrated business management solution that takes care of all their sales, finance, purchasing, inventory and manufacturing and offers a unified view of different operations. This level of insight and simplicity of getting it, provides business activities easily with the information they need to make informed decisions, rather than having just the rear view mirror to track past results.

Thus, on the 9th NSDC meeting, July 2009, the Annual SME Integrated Plan of Action (SMEIPA) was introduced to ensure effective planning, coordination and delivery of all SME development programmes. The implementation of the SME development programmes will be tracked by using an outcome-based approach called the Impact Analysis Framework of SME Programmes (IAFSP). The performance of the programmes is monitored to ascertain that they are successful in steering SMEs to progress up the value chain. It is vital to ensure a cohesive approach in the planning and implementation of SME development programmes and financial assistance schemes by all relevant Ministries and Government agencies across all economic sectors, and ultimately aligning the programmes to the ultimate objective of creating more dynamic, resilient, competitive and innovative SMEs.

Now is the time to bring changes to age old processes and adopt new best practices back in the industry. We learned from the Asian economic crisis of 1997-98 that a crisis does not stay, and companies which are bolder and better prepared with the right products, customer base and business processes will eventually emerge stronger, and outpace the competition.

May SMIDEC re-branding to SME Corp. Malaysia become a historic moment towards achieving a new era of innovation and productivity among SMEs.

Thank you.

AHLI PERBADANAN
MEMBERS OF THE CORPORATION

01	02	03	07	08	09
04	05	06	10	11	12

- 01. **Y.Bhg. Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid**
Pengerusi Chairman
- 02. **Y.Bhg. Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria**
Timbalan Pengerusi Deputy Chairman
- 03. **Y.Bhg. Dato' Hafsah Hashim**
Ketua Eksekutif Chief Executive Officer
- 04. **Y.Bhg. Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh**
Ahli Member



05. **Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri**
Ahli Member

06. **Y.Bhg. Dato' Tan Yew Thong**
Ahli Member

07. **Y.Bhg. Dato' Tajuddin Atan**
Ahli Member

08. **Y.Bhg. Dato' Dr. Ir. Andy K.H. Seo**
Ahli Member

09. **Puan Shamsimar Yusof**
Ahli Member

10. **Puan Liew Siew Lee**
Ahli Member

11. **Encik Azlan B. Abdul Rashid**
Ahli Member

12. **Puan Rohana Ramly**
Setiausaha Secretary



Y.BHG. DATUK IR. (DR.) MOHAMED AL AMIN HAJI ABDUL MAJID
Pengerusi *Chairman*

Dato' Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid berkelulusan Diploma Teknologi dari Oxford College of Further Education dan turut memegang ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dari University of Aston, Birmingham, United Kingdom. Beliau juga merupakan Ahli Korporat Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Jurutera Profesional (PE).

Beliau telah lama terlibat secara aktif dalam politik dan kerja komuniti. Sepanjang penglibatan beliau dalam politik, Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO Perak, Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pasir Panji, Perak dan Ahli Exco Pemuda UMNO. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis

Industri Kimia Malaysia (CICM) dari 1999 hingga 2009 dan Pengerusi Asean Chemical Industry Council dari 1999 hingga 2001. Beliau telah dipilih sebagai Pengerusi Bersama APEC Chemical Dialog yang mewakili industri tersebut melalui Asia Pacific Chemicals Industry Coalitions (APCIC) sejak tahun 2000.

Beliau kini menyandang pelbagai jawatan dalam beberapa syarikat senarai awam iaitu sebagai Pengerusi Eksekutif di Country View Berhad, Pengerusi bagi Nylex (M) Berhad dan Pengarah di Ancom Berhad dan MCIS Zurich Insurance Sdn Bhd.

Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi SME Corporation Malaysia, sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang merupakan agensi penting dalam pembangunan dan peningkatan peniaga kecil dan sederhana di Malaysia sejak 2006.

Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid juga merupakan Presiden Aston University Alumni Association of Malaysia yang ditubuhkan pada 2007.

Baru-baru ini beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat – Doktor Sains dari Aston University, UK.

Dato' Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid, qualified with a Diploma in Technology from Oxford College of Further Education and also holds a degree in Bachelor of Science in Civil Engineering from University of Aston, Birmingham, United Kingdom. He is also the Corporate Member of Institute of Engineers (IEM), Malaysia and a Professional Engineer (PE).

He has been active in both political and community work since his early days. He was UMNO Youth Chief of Perak, UMNO Youth Divisional Head of Pasir Pinji, Perak and Umno Youth Exco Member during his active years in politics. Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid has served, as the Chairman of Chemical Industries Council of Malaysia (CICM) from 1999 to 2009 and was Chairman of Asean Chemical Industry Council from 1999 to 2001. He was elected Co-Chair of APEC Chemical Dialogue, representing the industry through Asia Pacific Chemicals Industry Coalitions (APCIC) since 2000.

He is currently holding various positions in a few listed companies, namely as Executive Chairman of Country View Berhad, as Chairman of Nylex (M) Berhad and as Director of Ancom Berhad and MCIS Zurich Insurance Sdn Bhd.

He was appointed Chairman of SME Corporation Malaysia, a government agency under the Ministry of International Trade and Industry – an important agency in the development and enhancement of small and medium enterprises in Malaysia since 2006.

Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid is also the President of Aston University Alumni Association of Malaysia which was formed in 2007.

He was recently conferred Honorary Doctorate Degree - Doctor of Science from Aston University, UK.



Y.BHG. DATO' HAFSAH HASHIM

Ketua Eksekutif *Chief Executive Officer*

Y.Bhg Dato' Hafshah Hashim, Ketua Eksekutif SMIDEC, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan selanjutnya Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan dari University Aston, United Kingdom.

Beliau merupakan Ahli Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan (PEMUDAH), Timbalan Pengerusi Majlis Pembangunan EKS Pulau Pinang, Ahli Majlis Rosetta Net Malaysia dan Panel Penasihat Perbadanan, Pembangunan Industri Halal Sdn. Bhd. (HDC), Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Latihan (MICCI), Jawatankuasa Pemandu Malaysian Emerging Brand Award, Ahli Malaysian Advisory Board - Small and Medium Biotechnology Industries, Women's Health and Asian Traditional Medicine 2006, Program Pensyarah Adjunct di Universiti Teknologi Petronas dan Ahli Badan Penasihat Pembangunan Industri Perakayuan Bumiputera, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Beliau juga merupakan Ahli Majlis Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), Terengganu serta Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

Y.Bhg Dato' juga merupakan Pengerusi Kumpulan Kerja ASEAN SME bagi tahun 2000 - 2001, penceramah di dalam beberapa fora antarabangsa untuk pembangunan EKS dan Setiausaha kepada Kumpulan Kerja Teknikal EKS untuk Bab EKS di dalam Pelan Induk Perindustrian Ke-3 (IMP3).

Jawatan terdahulu yang pernah disandang termasuklah Penolong Setiausaha Bahagian Minyak Sawit, Kementerian Perusahaan Utama (Julai 1982 - Disember 1987), Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan, Kementerian Pertanian (November 1989 - September 1994), Penolong Pengarah Bahagian Hubungan Dua Hala, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, SMIDEC (Disember 1996 - Mac 2005).

Y.Bhg. Dato' Hafshah Hashim is presently the Chief Executive Officer of SMIDEC. She received her Bachelor of Applied Science from University Sains Malaysia and subsequently her Master's in Business Administration (MBA) from Aston University, United Kingdom.

She serves on numerous organisations and agencies around the country either as a council member, advisor or chairman (chairperson). She is presently a member of The Special Task Force to Facilitate Business or better known as PEMUDAH, Deputy Chairman of Penang SME Development Council, Council Member of Rosetta Net Malaysia and Malaysian Retail Council, Advisory Panel of Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC), MICCI SME sub-Committee on Training and Development, MCCI Malaysian Emerging Brand Award Steering Committee, member of Malaysian Advisory Board - small and medium Biotechnology Industries, Women's Health and Asian Traditional Medicine 2006, Adjunct Lecturer Programme of University Teknologi Petronas and Member of Badan Penasihat Pembangunan Industri Perakayuan Bumiputera, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

She also serves as a board member to Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu and the Penang Skills Development Centre (PSDC).

Y.Bhg. Dato' was also Chairman of the ASEAN SME Agency Working Group for 2000 - 2001, resource speaker in various international fora on SMIDEC/SME development and Secretary to SME Technical Working Group of the SME Chapter of the Third Industrial Master Plan (IMP3).

Her previously held positions include Assistant Secretary of Palm Oil Division, Ministry of Primary Industries (July 1982 - December 1987), Assistant Director of Policy & Planning, Ministry of Agriculture (November 1989 - September 1994), Assistant Director of Bilateral Trade Division, Ministry of International Trade and Industry (MITI), Director of Strategic Planning Division, SMIDEC (December 1996 - March 2005).



Y.BHG. DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA

Timbalan Pengerusi *Deputy Chairman*

Y.Bhg. Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria, ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Pelaburan. Semasa memegang jawatan ini, beliau terlibat di dalam Perundingan Perjanjian Pelaburan Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) hubungan dua hala dan pelbagai hala.

Pengalaman luas Y.Bhg. Datuk Dr. Rebecca bermula dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 dan beliau berkhidmat dalam pelbagai perjawatan dengan Kementerian Perdagangan dan Industri ketika itu. Pada tahun 1988, beliau telah dipinjamkan ke ASEAN Plant Quarantine and Training Centre sebagai Ketua Pegawai Pentadbiran dan Perolehan. Dari 1 September 2002 sehingga 15 Julai 2005 beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Perancangan Strategik di MITI. Sebelum pelantikan di MITI, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penyelaras Projek Kanan di Pusat Kepimpinan, Institut Kebangsaan Perkhidmatan Awam (INTAN).

Y.Bhg. Datuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Kesusasteraan Inggeris dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Sains dalam Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Kedoktoran dari University Georgia di Athens, Amerika Syarikat. Tesis disertasi beliau, bertajuk "Perception of learning culture, concerns about the innovation, and their influence on use of an on-going innovation in the Malaysian public sector", memenangi Anugerah Tahunan Disertasi Malcolm S. Knowles dari Akademi Pembangunan Sumber Manusia Amerika.

Y.Bhg. Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta. Maria, is the Deputy Secretary General (Trade) of the Ministry of International Trade and Industry (MITI) and previously served as Senior Director of Investment Policy Division. In her capacity, she was involved in negotiating Malaysia's Investment Agreements under Malaysia's bilateral and regional Free Trade Agreements (FTAs).

Y.Bhg. Datuk Dr. Rebecca's extensive career began in the Administrative and Diplomatic Service of the then Ministry of Trade and Industry in 1981 having served in various capacities within the Ministry. In 1988 she was seconded to the ASEAN Plant Quarantine and Training Centre as its Chief Administration and Procurement Officer. From 1 September 2002 through 15 July 2005, she held the position of Director of Strategic Planning. Prior to her appointment to MITI she served as the Senior Project Coordinator at the Leadership Centre, National Institute of Public Administration (INTAN).

Y.Bhg. Datuk holds a Bachelor of Arts (Honours) in English Literature from University Malaya, a Master of Science in Counselling from University Putra Malaysia and Doctor of Philosophy from the University of Georgia in Athens, United States of America. Her PhD. dissertation, entitled "Perception of learning culture, concerns about the innovation, and their influence on use of an on-going innovation in the Malaysian public sector", was granted the S. Knowles Dissertation of the Year Award from the American Academy of Human Resource Development.



Y. BHG. DATO' MOHD. NADZMI MOHD. SALLEH

Ahli Member

Y.Bhg. Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh merupakan Pengerusi baru Proton Holdings Berhad, berkuatkuasa 1 Januari 2009. Beliau juga adalah Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn Bhd. Di samping itu, beliau juga merupakan Pengerusi Eksekutif di Express Rail Link Sdn Bhd dan Trisilco Folec Sdn Bhd serta Pengerusi JT International Berhad. Y.Bhg. Dato' Mohd Nadzmi juga merupakan Pengerusi dan Pengarah Urusan di Park May Berhad, Ahli Lembaga Pengarah VS Industry Berhad, Ranhill Utilities Berhad dan Transocean Holdings Berhad.

Sebelum menjadi seorang usahawan, beliau merupakan Pengarah Urusan PROTON Berhad dari tahun 1993 sehingga 1996. Beliau mempunyai karier yang membanggakan dalam projek kereta nasional tersebut, bermula sebagai Penolong Pengurus Bahagian Projek di HICOM pada tahun 1984 sehinggalah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif EON Berhad pada tahun 1990 selama tiga tahun sebelum menerajui PROTON. Kerjaya pertama beliau adalah sebagai Pensyarah di Fakulti Sumber Ekonomi dan Perniagaan Tani di Universiti Putra Malaysia. Beliau kemudiannya menyertai PETRONAS Berhad sebagai Eksekutif Pemasaran di Bahagian Pemasaran Antarabangsa selama setahun sebelum menceburkan diri dalam projek kereta nasional di HICOM.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi dan Statistik, Miami Universiti, Amerika Syarikat (1980), Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kimia dan Matematik, Ohio Universiti, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Ohio Universiti, Amerika Syarikat.

Pencapaian beliau di dalam kedua-dua bidang profesional dan perniagaan telah membolehkannya beliau memperoleh pelbagai anugerah. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif termuda di syarikat automotif pada usia 39 tahun, beliau telah dianugerahkan gelaran "Outstanding Young Malaysian" dalam kategori Inovasi Perniagaan dan Ekonomi oleh Junior Chamber of Malaysia pada tahun 1993. Selepas itu, beliau telah dipilih dalam anugerah berprestij "Global Leaders for Tomorrow" oleh Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland. Beliau juga telah dianugerahkan Usahawan Malaysia Tahun 2003 oleh Ernst & Young dan Pencapaian Terbaik Tahun 2003 oleh Chartered Institute of Logistic and Transport Malaysia.

Y.Bhg. Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh is the new Chairman of Proton Holdings Berhad effective 1st January 2009. He also holds the position of Executive Chairman of Nadicorp Holdings Sdn Bhd., Express Rail Link Sdn Bhd., Trisilco Folec Sdn. Bhd. and Chairman of JT International Berhad. He sits on the Board of Park May Berhad as the Chairman and Managing Director and further holds directorships in VS Industry Berhad, Ranhill Utilities Berhad and Transocean Holdings Berhad.

Prior to becoming an entrepreneur, he was the Managing Director of PROTON Berhad from 1993 to 1996. He had an illustrious career with the national car project starting as an Assistant Manager in the Project Division of HICOM in 1984 and right through to the position of Chief Executive Officer of EON Berhad in 1990 for three years before heading PROTON. His first job was as a lecturer in the Faculty of Economic Resource & Agribusiness at University Putra Malaysia. He then joined PETRONAS Berhad as a Marketing Executive in the International Marketing Division for a year before embarking on the National Car project at HICOM.

He holds a Master of Arts in Economics & Statistics, Miami University, USA (1980), a Bachelor of Science in Chemistry & Mathematics, Ohio University, USA and a Bachelor of Arts in Economics, Ohio University, USA.

His achievements in both the professional and business fields have earned him various accolades. Being one of the youngest CEOs of an automobile company at just 39 years of age earned him the title of "Outstanding Young Malaysian" in the category of Business and Economics Innovation by the Junior Chamber of Malaysia in 1993. Subsequently, he was elected into the prestigious "Global Leaders for Tomorrow" by the World Economic Forum at Davos, Switzerland. He had previously won the Malaysian Entrepreneur of the Year 2003 by Ernst & Young Entrepreneur of the Year and the Achiever of the Year 2003 by the Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia.



AHLI PERBADANAN MEMBERS OF THE CORPORATION

Y.BHG. DATO' SYED AMIN AL-JEFFRI

Ahli Member

YBhg. Dato' Syed Amin Aljeffri, dilantik sebagai Ahli Perbadanan SMIDEC pada 2005. Beliau merupakan graduan Ekonomi dari Universiti Malaya dan seorang Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia serta Canadian Institute of Chartered Accountants. Beliau juga merupakan Akauntan Awam Bertauliah dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institute of Certified Public Accountants of Singapore, Fellow Akauntan Amalan Bertauliah dengan Certified Practising Accountant Australia, Fellow Akauntan Amalan Bertauliah dengan Association of Chartered Certified Accountants UK, Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia dan Fellow Institut Percukaian Malaysia.

Dato' Syed mempunyai pengalaman kerja yang luas termasuk pernah berkhidmat dengan Esso di Malaysia dan Amerika Syarikat, Touche Ross Canada dan amalan perakaunan dan perundingcara awam beliau sendiri iaitu AljeffriDean. Beliau turut menganggotai lembaga pengarah LBI Capital Berhad, Seloga Holdings Berhad, Golden Horse Palace Berhad, RAM Holdings Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad lain.

Beliau adalah ahli Lembaga Universiti Sains Islam Malaysia yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia, Ahli Jawatankuasa Kumpulan Kerja dalam Unit Perancangan Ekonomi dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan Felda. Beliau kini menyandang jawatan sebagai Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur dan bekas Pengerusi ASEAN Business Advisory Council.

Beliau juga merupakan Ahli Majlis dalam Majlis Perniagaan Malaysia-China dan East Asia Business Council serta bekas Setiausaha Agung ASEAN Chamber of Commerce and Industry dan berkhidmat sebagai Penasihat Kehormat Malaysia bagi Persekutuan Republik Demokratik Ethiopia di Kuala Lumpur. Y.Bhg. Dato' Syed Amin juga telah dianugerahkan sebagai Profesor Adjunct daripada Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia pada 2008.

YBhg. Dato' Syed Amin Aljeffri, was appointed as SMIDEC's Members of Corporation in 2005. He is an Economics graduate from the University of Malaya, a Chartered Accountant with the Malaysian Institute of Accountants and the Canadian Institute of Chartered Accountants, a Certified Public Accountant with the Malaysian Institute of Certified Public Accountants and the Institute of Certified Public Accountants of Singapore, a Fellow Certified Practising Accountant with Certified Practising Accountant Australia, a Fellow Chartered Certified Accountants with the Association of Chartered Certified Accountants UK, a Certified Financial Planner with the Financial Planning Association of Malaysia and a Fellow of the Malaysian Institute of Taxation.

Dato' Syed's extensive work experience includes stints with Esso in Malaysia and the United States of America, Touche Ross Canada and his own public accounting and consulting practices, AljeffriDean. He also sits on the board of LBI Capital Berhad, Seloga Holdings Berhad, Golden Horse Palace Berhad, RAM Holdings Berhad and several other private limited companies.

He is a member of the Board of the Islamic Science University of Malaysia, owned by the Malaysian Government, Working Group Committee Member of Economic Planning Unit and Investment Committee Member of Felda. He is currently the President of the Kuala Lumpur Malay Chamber of Commerce and formerly the Chairman of the ASEAN Business Advisory Council. He is also a Council Member of the Malaysia-China Business Council and the East Asia Business Council and formerly the Secretary General of the ASEAN Chamber of Commerce and Industry.

He is the Malaysian Honorary Council for the Federal Democratic Republic of Ethiopia in Kuala Lumpur. Y.Bhg. Dato' Syed Amin was also awarded as Adjunct Professor from Business College of University Utara Malaysia in 2008.



Y.BHG. DATO' TAN YEW THONG

Ahli Member

Y.Bhg Dato' Tan Yew Thong telah dilantik sebagai Ahli Perbadanan SMIDEC sejak tahun 2005. Beliau adalah seorang graduan dari University of Michigan dan Jurutera Profesional Berdaftar di Malaysia dan Singapura. Dalam tahun 1969, beliau telah bertugas sebagai Pelatih di Dominion Bridge Ltd, Winnipeg, Canada dan pada tahun 1971, sebagai Jurutera Rekabentuk di General Electric (Consumer Electronics) di Utica, New York.

Beliau juga telah menjalankan Projek Pasca-Graduan untuk melaksanakan konsep "Group/Cell Technology" di Herbert Machine Tools Ltd dan Staveley Machine Tools Ltd. di United Kingdom. Pada tahun 1973-1997, beliau

telah berkhidmat di Smith Corona (Singapore) Pte Ltd., (anak syarikat SCM Corporation, USA) sebagai jurutera pengeluaran yang bertanggungjawab membawa kemudahan perkilangan bagi mesin taip elektronik dari Cortland, New York ke Singapura sehingga tahun 1977.

Y.Bhg. Dato' Tan Yew Thong juga pernah menjawat pelbagai jawatan jurutera pengeluaran di syarikat yang menjalankan operasi automatic lathes, metal stamping, electro-plating, grinding, plastic moulding, pengawalan kualiti dan operasi pemasangan mesin taip. Beliau juga adalah Ahli Korporat Institusi Kejuruteraan Malaysia (IEM).

Y.Bhg. Dato' Tan Yew Thong has been the Member of Corporation of SMIDEC since 2005. A graduate from the University of Michigan, he is also certified as a Registered Professional Engineer in Malaysia and Singapore. In 1969, he had served as an Intern at Dominion Bridge Ltd, Winnipeg, Canada and subsequently in 1971 at General Electric (Consumer Electronics) in Utica, New York as Design Engineer.

He had also undertaken Post-Graduate Project implementing Group/Cell Technology Concept at Herbert Machine Tools Ltd, and at Staveley Machine Tools Ltd in the United Kingdom. In 1973-1997, he worked at Smith Corona (Singapore) Pte Ltd., (subsidiary of SCM Corporation, USA) as a production engineer. During his tenure, he was responsible for the successful transfer of new electric typewriter manufacturing facilities from Cortland, New York to Singapore until 1977.

Y.Bhg. Dato' also has held various production engineering positions in the company, running operations ranging from automatic lathes, metal stamping, electro-plating, grinding, plastic moulding, quality control and complete typewriter assembly operations. He is also a Corporate Member of the Institution of Engineers (IEM), Malaysia.



Y.BHG DATO' TAJUDDIN ATAN

Ahli Member

YBhg Dato' Tajuddin Atan ("YBhg Dato' Tajuddin") mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Agribisnes) dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, AS.

YBhg Dato' Tajuddin memulakan kerjaya beliau di Bank Bumiputra (M) Berhad (BBMB) dan sepanjang tempoh lebih enam belas tahun di bank tersebut, beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan termasuk pernah bertugas di cawangan bank berkenaan di New York. Jawatan terakhir beliau dengan Bumiputra Commerce Bank, sebuah entiti perbankan hasil gabungan Bank of Commerce Berhad dan BBMB, adalah sebagai Naib Presiden Kanan, Bahagian Perbendaharaan. Beberapa tahun selepas itu, beliau telah menceburi arena korporat di mana beliau telah memperoleh pengalaman berharga dalam penyusunan semula kewangan, pengurusan strategik korporat dan peningkatan kecekapan operasi di beberapa syarikat senarai awam dalam bidang perkapalan, pembangunan hartanah dan pembinaan serta elektronik. YBhg Dato' Tajuddin kemudian dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bank Simpanan Nasional pada Oktober 2004 di mana beliau telah berjaya menerajui transformasi BSN menjadi sebuah bank komuniti yang ditadbir dengan mampan, menguntungkan dan cekap. Selepas itu, beliau menyertai Bank Pembangunan Malaysia Berhad sebagai Presiden/Pengarah Urusan Kumpulan dan telah memulakan suatu proses penambahbaikan perniagaan untuk meninggikan tahap operasi bank tersebut.

Kini YBhg Dato' Tajuddin berkhidmat sebagai Pengarah Urusan RHB Bank Berhad sejak Mei 2009 dan sebagai Pengarah Urusan Kumpulan RHB Capital Berhad. Jawatan pengarah lain yang beliau sandang dalam beberapa syarikat senarai awam termasuk di Bursa Malaysia Berhad, RHB Bank (L) Ltd dan RHB International Trust (L) Ltd (Pengerusi). Beliau adalah Ahli Lembaga Amanah Ikhtiar Malaysia, sebuah organisasi amanah swasta yang ditubuhkan dengan tujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia melalui pemberian pinjaman kepada keluarga miskin untuk aktiviti yang menghasilkan pendapatan di mana beliau kini mempengerusikan Jawatankuasa Khas bagi Program Pembiayaan Mikro Kemiskinan Bandar. Beliau juga merupakan Ahli Korporat SME Corporation Malaysia dan Profesor Adjung di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia serta Profesor Adjung di Kolej Seni dan Sains Universiti Utara Malaysia. Dato' Tajuddin turut memegang jawatan pengarah di Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd dan Financial Park (Labuan) Sdn Bhd, ASEAN Finance Corporation Limited serta beberapa syarikat subsidiari RHB Capital Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Institut Bank-Bank Malaysia

YBhg Dato' Tajuddin Atan ("YBhg Dato' Tajuddin") holds a Bachelor's Degree in Science (Agribusiness) from Universiti Putra Malaysia and a Masters Degree in Business Administration from Ohio University, USA.

YBhg Dato' Tajuddin commenced his career with Bank Bumiputra (M) Berhad (BBMB) holding various senior positions over a period of more than sixteen years including a stint at the bank's New York Branch. His last designation with Bumiputra Commerce Bank, the merged banking entities of Bank of Commerce Berhad and BBMB, was as Senior Vice President, Treasury Division. He spent the next few years in the corporate arena where he gained valuable experience in financial restructuring, corporate strategic management and improvement of operational efficiency in various public listed companies in the areas of shipping, property development and construction and electronics. YBhg Dato' Tajuddin was subsequently appointed as the Chief Executive Officer of Bank Simpanan Nasional in October 2004 where he successfully led the transformation of BSN into a sustainable, profitable and efficiently governed community bank. Thereafter, he joined Bank Pembangunan Malaysia Berhad as its President/Group Managing Director and initiated a business improvement process to bring about operational finesse.

YBhg Dato' Tajuddin currently serves as the Managing Director of RHB Bank Berhad since May 2009 and is also the Group

Managing Director of RHB Capital Berhad. His other directorships in public companies include Bursa Malaysia Berhad, RHB Bank (L) Ltd and RHB International Trust (L) Ltd (Chairman). He is a Board Member of Amanah Ikhtiar Malaysia, a private trust organization established with the aim of reducing poverty in Malaysia through the provision of financing to poor household for income generating activities where he currently chairs the Special Committee for the Urban Poor Micro Finance Program. He is also a Corporate Member of SME Corporation Malaysia and is an Adjunct Professor, at the Faculty of Economics and Management of Universiti Putra Malaysia as well as an Adjunct Professor at the College of Arts and Sciences of Universiti Utara Malaysia. Dato' Tajuddin also holds directorships in Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd and Financial Park (Labuan) Sdn Bhd, ASEAN Finance Corporation Limited as well as a few subsidiaries of RHB Capital Berhad. He is also a Council Member of the Association of Banks in Malaysia and the Institut Bank-Bank Malaysia.



Y.BHG. DATO' DR. IR. ANDY K.H. SEO

Ahli Member

Y.Bhg. Dato' Dr. Ir. Andy K.H. Seo kini adalah Rakan Kongsi Pengurusan di Andy Seo & Associates, Pengerusi Eksekutif Alpha Prima Engineering Sdn. Bhd., Penasihat Kanan RSM Profit Improvement Sdn. Bhd., dan Pengarah Eksekutif ACME Engineering Sdn. Bhd. Dari segi kelayakan, beliau merupakan seorang jurutera professional dan telah dilantik sebagai Ahli Perbadanan SMIDEC sejak Ogos 2008. Beliau juga bergerak aktif sebagai Naib Presiden Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) dan dilantik menganggotai Lembaga Penasihat Akademik Institut FMM.

Beliau pernah berkhidmat dengan pelbagai organisasi terkemuka seperti General Electric Company of Malaysia sebagai Pengurus Besar Bahagian Perkilangan. Pada tahun 1998, beliau telah menubuhkan sebuah firma Perundingan

Kejuruteraan Pengurusan iaitu Andy Seo & Associates dan turut berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Kone Elevator (M) Sdn. Bhd, Pengarah Presiden KONE Indonesia, Pengarah Pembangunan Perniagaan Serantau di KONE Asia South dan kini sebagai Penasihat Kanan syarikat tersebut.

Y.Bhg. Dato' Dr. Seo terlibat secara aktif dalam beberapa Persatuan Perdagangan dan Organisasi Berkanun. Selain daripada SMIDEC, beliau juga merupakan ahli Pasukan Petugas Khas untuk Membantu Perniagaan atau lebih dikenali sebagai PEMUDAH; Jawatankuasa Pemasaran SME, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal bagi Komponen 1 dalam Program Sistem Berkembar dalam Latihan, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Y.Bhg. Dato' Dr. Seo adalah lulusan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam Pengurusan Am dari University of Hull, United Kingdom. Pada Mac 2005, beliau telah dianugerahkan ijazah Doktor Kehormat (Hon. SSc.) oleh University of Hertfordshire, England. Beliau juga dilantik sebagai ahli University Court di universiti tersebut.

Y.Bhg. Dato' Dr. Seo juga merupakan Fellow Kehormat AFEO (ASEAN Federation of Engineering Organisations), Fellow Institut Jurutera, Malaysia dan Fellow Institution of Engineering and Technology, United Kingdom.

Y.Bhg. Dato' Ir. Dr. Andy K.H. Seo is currently the Managing Partner of Andy Seo & Associates, Executive Chairman of Alpha Prima Engineering Sdn. Bhd., Senior Advisor of RSM Profit Improvement Sdn. Bhd., and Executive Director of ACME Engineering Sdn. Bhd. A professional engineer by qualification, he was appointed as SMIDEC's Member of Corporation since August, 2008. He is also active as the Vice President of the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) and also appointed to the Academic Advisory Board of the FMM Institute.

He worked with numerous organisations, notably General Electric Company of Malaysia as the General Manager of Manufacturing Division. In 1998, he founded the Management Engineering Consultancy firm of Andy Seo & Associates and also served Kone Elevator (M) Sdn. Bhd as the Managing Director, President Director of KONE Indonesia, Regional Business Development Director of KONE Asia South and now as its Senior Advisor.

Y.Bhg. Dato' Ir. Dr. Seo is very involved in Trade Associations and Statutory Organisations. Apart from SMIDEC, he also sits as a member of The Special Task Force to Facilitate Business or better known as PEMUDAH, SME Marketing Committee, Ministry of International Trade and Industry and as the Chairman for Technical Committee for Component 1 of Dual System Programme in Training, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.

He holds a Master of Business Administration (MBA) in General Management from the University of Hull, United Kingdom. In March 2005, he was conferred the Honorary Doctor of Science (Hon. DSc.) from the University of Hertfordshire, England. He is also appointed a member of the University Court of this University.

Y.Bhg. Dato' Dr. Seo is also an Honorary Fellow of AFEO (ASEAN Federation of Engineering Organisations), Fellow of Institution of Engineers, Malaysia and Fellow of the Institution of Engineering and Technology, United Kingdom.



AHLI PERBADANAN

MEMBERS OF THE CORPORATION

PUAN SHAMSIMAR YUSOF

Ahli Member

Puan Shamsimar Mohd. Yusof adalah Pengasas dan Pengarah Urusan kumpulan CD Communication. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari University of New England, Australia.

Puan Shamsimar juga merupakan Presiden, Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia (NAWEM) dan ahli seumur hidup dalam Persatuan Wanita Bumiputera di Dalam Perniagaan dan Profesyen Malaysia (PENIAGAWATI). Beliau merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Yayasan NUR serta dalam Panel Penasihat kepada Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM). Sumbangan besar kepada masyarakat dan penglibatan beliau dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) memperlihatkan beliau dilantik menjadi Ahli Eksekutif Majlis Penasihat Wanita Negara pada Mac 2007. Pada Julai 2007, Puan Shamsimar dilantik menjadi Ahli Perbadanan Industri Kecil Dan Sederhana (SMIDEC).

Pada 2005, beliau diiktiraf sebagai Pengamal Perhubungan Awam Bertauliah (APR) sebagai menghargai perkhidmatan cemerlang dalam profesion Perhubungan Awam di Malaysia. Pada 2007, Puan Shamsimar telah dikurniakan fellowship Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM) di bawah Duli Yang Amat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, sempena ulang tahun kemerdekaan yang ke-50. Pada 16 Ogos, 2007, beliau menerima Anugerah Usahawan Wanita Dekad 4, daripada Perdana Menteri Malaysia.

Puan Shamsimar Mohd. Yusof is the Founder and Group Managing Director of CD Communications Group. She graduated with a Bachelor of Science from the University of New England, Australia.

Puan Shamsimar is the President of the National Association of Women Entrepreneurs Malaysia (NAWEM) and a life member of the Association for Bumiputera Women in Business and Profession (PENIAGAWATI). She sits on the Board of Yayasan NUR and is also on the Panel of Advisors for the Institute of Public Relations Malaysia (IPRM). With her numerous contributions to the community and her involvement in NGOs, in March 2007, she was appointed as Council Member of the National Advisory Council of Women. In July 2007, she was appointed as Board Member of Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC).

In 2005, she was awarded the Accredited PR Practitioner Award (APR) in recognition of outstanding and distinguished services towards the PR profession in Malaysia. In 2007, Puan Shamsimar was conferred the IPRM Fellowship by Duli Yang Amat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah. In conjunction with the 50th Merdeka Celebrations, Puan Shamsimar was awarded the Women Entrepreneur Award of the 4th Decade by the Prime Minister of Malaysia on 16th August 2007.



PUAN LIEW SIEW LEE

Ahli Member

Puan Liew Siew Lee, ialah Pengarah Seksyen Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah memegang jawatan berkenaan sejak Oktober 2000. Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Seksyen Ekonomi Serantau (Disember 2006 - September 2007) dan Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Infrastruktur dan Utiliti (September 1994 - Disember 2006).

Beliau terlibat dalam pelbagai fungsi diantaranya merangka polisi dan strategi bagi perkembangan industri, sains dan teknologi serta perkara-perkara yang memerlukan input, komen dan keputusan dari EPU kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Graduan dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya (1980), beliau memulakan kariernya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 dan juga telah berkhidmat dengan Bahagian Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia (dahulunya Kementerian Buruh) yang terlibat secara langsung dengan urusan pelbagai organisasi seperti ILO, MEF, MTUC dan CUEPACS (1981-1984); serta Kementerian Penerangan Bahagian Perolehan (1984 - 1993), Kementerian Kewangan (1994) sebelum berkhidmat dengan Unit Perancangan Ekonomi pada September 1994.

Puan Liew Siew Lee holds the position of the Director of Manufacturing Industry, Science & Technology Section of the Economic Planning Unit (EPU) in the Prime Minister's Department. She has held this post since October 2000. Prior to this appointment, she was the Director of the Regional Economics Section (December 2006 - September 2007) and Senior Principal Assistant Director in the Infrastructure and Utilities Section (September 1994 - December 2006).

Her current work functions include formulating policies and strategies for the development of industry, science and technology as well as matters pertaining to the Ministry of International Trade and Industry, and Ministry of Science, Technology and Innovation that require Economic Planning Unit's input, comments and decisions.

An Economics graduate from the University of Malaya (1980), Puan Liew Siew Lee joined the Administrative and Diplomatic Service in 1981 and has served in the Ministry of Human Resources (formerly Labour) in the International Section dealing with organisations such as ILO, MEF, MTUC and CUEPACS (1981 -1984); Ministry of Information handling procurement (1984 - 1993) and Ministry of Finance (1994) before joining the EPU in September 1994.



ENCIK AZLAN B. ABDUL RASHID

Ahli Member

Encik Azlan B. Abdul Rashid bertugas sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Sektor Perkhidmatan dan Antarabangsa di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan, Malaysia. Sebelum ini, beliau memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perswastaaan di Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri.

Encik Azlan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Brock University, St. Catherines, Ontario, Kanada serta Diploma Pengurusan Awam dari Insititut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Beliau juga berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia.

Pada tahun 2006, beliau telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang dari Kementerian Kewangan, Malaysia.

Encik Azlan B. Abdul Rashid is the Principal Assistant Secretary of the Services and International Sector, Economics and International Division of the Ministry of Finance, Malaysia. Prior to this, he was the Assistant Director of Privatisation Section of the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department, Malaysia.

Encik Azlan received his Bachelor of Economics (Honours) from Brock University, St. Catherines, Ontario, Canada and as well as a Diploma in Public Management from Insititut Tadbiran Awam Negara (INTAN). He received his Master in Economics from Universiti Putra Malaysia.

In 2006, he received the Excellence Service Award from the Ministry of Finance, Malaysia.



PUAN ROHANA RAMLY

Setiausaha Secretary

Puan Rohana Ramly ialah Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan SMIDEC. Beliau telah berkhidmat di SMIDEC sejak 1997, memangku jawatan sebagai Pengurus Kanan di Bahagian Industri, empat tahun kemudian beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan Enterpris dan Keusahawanan.

Puan Rohana Ramly menjawat pelbagai tanggungjawab, antaranya sebagai Penolong Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan di Kementerian Pengangkutan, Penolong Setiausaha Bahagian Istiadat di Jabatan Perdana Menteri, Penyelaras Program di Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Penolong Pengarah di Bahagian Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Penolong Setiausaha di Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan.

Puan Rohana Ramly memiliki kelulusan Institut Pengangkutan Berkanun (CIT) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Diploma Pengurusan Sains dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) seta Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) dari University of Birmingham, United Kindom.

Puan Rohana Ramly is the Director of the Management Services Division of SMIDEC. She joined SMIDEC in 1997 as the Action Senior Manager of the Industries Division. Subsequently four years later, she served as the Director of Enterprise Development and Entrepreneurship Division in the Corporation.

Puan Rohana Ramly has held numerous position in the civil service. Her previously held positions include being the Assistant Director in the Road Transport Department, Ministry of Transport, Asisstant Secretary of the Protocol Division in the Prime Minister's Department, Programme Coordinator at National Institute of public Adminstration (INTAN), Asisstant Director of the Industries Division, Ministry of International Trade and Industry (MITI), and Asisstant Secretary of the Finance Division, Ministry of Finance.

Puan Rohana Ramly has a Chartered Institute of Transport (CIT) qualification from Universiti Teknologi Mara (UiTM) as well as a Diploma in Management Science from National Institute of public Adminstration (INTAN), and her Master's in Business Administration specialising in International Business from the University of Birmingham, United Kingdom.



PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT



01	02	04	05	06
		07	08	09
03				10

- 01. **Y.Bhg. Dato' Hafsah Hashim**
Ketua Eksekutif
Chief Executive Officer
- 02. **Borhan Sidik**
Timbalan Ketua Eksekutif
Deputy Chief Executive Officer
- 03. **Mohd Mahdi bin Ariffin**
Timbalan Ketua Eksekutif
Deputy Chief Executive Officer
- 04. **Rohana Ramly**
Pegawai Bahagian Khidmat Pengurusan
Director, Management Services Division
- 05. **Fozian Ismail**
Pegawai Bahagian Koordinasi Program
Director, Programme Coordination Division





06. **Fadzilah Ahmad Din**
Pegawai Bahagian Pembangunan Enterpris dan Keusahawanan
Director, Enterprise Development and Entrepreneurship Division
07. **Karunajothi A/P Kandasamy**
Pegawai Bahagian Ekonomi & Perancangan Dasar
Director, Economic & Policing Planning Division
08. **Dr. Noraini Mohamad**
Pegawai Bahagian Komunikasi Korporat
Director, Corporate Communication Division
09. **Mimi Razidah Abd. Razak**
Pegawai Bahagian Pembiayaan dan Pemantauan
Director, Financing and Monitoring Division
10. **Zaky Moh**
Pegawai Bahagian Teknologi Maklumat
Director, Information Technology Division



STRUKTUR ORGANISASI

ORGANISATIONAL STRUCTURE





KPI DAN OBJEKTIF

KPI AND OBJECTIVES

PENGUKURAN PETUNJUK PRESTASI (KPI)

Untuk membangunkan dan mewujudkan 1,000 EKS yang dinamik dan berdaya saing setiap tahun.

OBJEKTIF

- Mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menggalakkan dan menyokong penubuhan serta pertumbuhan EKS.
- Menggalakkan pembentukan asas pembekalan yang berdaya saing dan bertenaga bagi menarik pelaburan langsung asing ke negara ini.
- Membimbing EKS yang mempunyai pertumbuhan tinggi, berdaya tahan dan berinovasi yang mengamalkan amalan perniagaan yang terbaik.
- Meningkatkan keupayaan teknologi, pengurusan, pemasaran, kewangan dan keusahawanan EKS supaya lebih berdaya saing di peringkat global.
- Menggalakkan enterpris dan usahawan menggunakan teknologi dan pengetahuan bagi membangunkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta meningkatkan ke paras rantaian nilai yang lebih tinggi.
- Mempermudahkan dan membantu EKS mendapatkan akses pasaran melalui jalinan rantaian perniagaan dan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

To develop and nurture 1,000 dynamic and competitive SMEs annually.

OBJECTIVES

- Create conducive business environment that promotes and supports the establishment and growth of SMEs.
- Foster the formation of a competitive and vibrant supply base to attract FDIs into the country.
- Nurture high growth, resilient, innovative SMEs that adopt best business practices.
- Enhance the technological, managerial, marketing, financial and entrepreneurial skills of SMEs to become globally competitive.
- Encourage enterprise and entrepreneurs to harness technology and knowledge in developing high value-added products and services and moving up the value chain.
- Facilitate and assist SMEs to gain market access by forging business linkages and network, both locally and internationally.



FUNGSI SMIDEC

FUNCTIONS OF SMIDEC



1. Menggalakkan rantaian industri di antara EKS dengan syarikat-syarikat besar/multinasiaonal (MNC) melalui:
 - Program Rantaian Industri (ILP)
 - Program Pembekal Global (GSP)
2. Melaksana, menyelaraskan dan memantau skim-skim bantuan kewangan untuk EKS melalui:
 - Pinjaman Mudah
 - Geran-geran Bersamaan
3. Mempromosi dan menyelaraskan pembangunan EKS melalui penyediaan:
 - aktiviti promosi
 - kajian
 - mengumpul maklumat dalam pangkalan data yang komprehensif
 - Program Anugerah Enterpris 50
 - Pameran Tahunan SMIDEX
4. Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal dengan kerjasama agensi berkaitan dengan pembangunan EKS melalui:
 - Program-program Pembangunan EKS
 - Pusat Maklumat & Khidmat Nasihat EKS
 - Panel Penasihat Pakar EKS (SEAP)
 - Program Peningkatan Keupayaan EKS
5. Bekerjasama dengan agensi lain. Sama ada tempatan atau antarabangsa, untuk membangunkan EKS melalui program seperti:
 - penyertaan mesyuarat di peringkat antarabangsa dan kerjasama serantau
 - Program peningkatan kemahiran untuk pekerja EKS
 - Program penempatan untuk pekerja EKS
 - Penempatan pakar-pakar asing di EKS

1. Forge industrial linkages between SMEs and large companies/ multinational corporations (MNCs) through the:
 - Industrial Linkage Programme (ILP)
 - Global Supplier Programme (GSP)
2. Implement, coordinate and monitor financial assistance schemes for SMEs through:
 - Soft Loans
 - Matching Grants
3. Promote and coordinate SMEs development through provision of:
 - promotional activities
 - related studies
 - collection of information into a comprehensive database
 - Enterprise 50 – an annual Award Programme
 - SMIDEX Annual Showcase
4. Provide technical and advisory support services in collaboration with other related agencies involved in SME development through:
 - SME developmental programmes
 - SMEs Information Centre & Advisory Centre
 - SMEs Expert Advisory Panel (SEAP)
 - SME Enhancement Programme
5. Collaboration with other local and international SME related agencies in developing SMEs through programmes such as:
 - participation in international and regional cooperation meetings
 - Skills upgrading programme for employees of SMEs
 - Attachment programmes for employees of SMEs
 - Placement of foreign experts in selected SMEs

FUNGSI BAHAGIAN

FUNCTIONS OF DIVISION

KHIDMAT PENGURUSAN

- Fungsi pentadbiran dan korporat am dalam Perbadanan dan hal-hal yang berkaitan dengan Kerajaan.
- Pengurusan kewangan Perbadanan.
- Pembangunan sumber manusia.

PENYELARASAN PROGRAM

- Merumus dasar, program dan insentif bagi pembangunan PKS Malaysia.
- Menjalankan kajian berkaitan pembangunan PKS.
- Menyelaraskan pelaksanaan program-program pembangunan PKS secara usahasama dengan agensi-agensi berkaitan lain serta kerjasama peringkat serantau dan antarabangsa.
- Membangun, mengumpul dan mengekalkan pangkalan data lengkap berhubung PKS dalam sektor perkilangan.

PEMBIAYAAN DAN PEMANTAUAN

- Merumus dasar dan garis panduan bagi program-program bantuan kewangan
- Memproses dan memantau pemberian geran dan skim-skim pinjaman kecil yang ditawarkan kepada PKS
- Bekerjasama dengan institusi kewangan untuk memudahkan akses PKS kepada pembiayaan
- Menjalankan kajian penilaian berkaitan pelaksanaan program-program bantuan kewangan

MANAGEMENT SERVICES

- *General administration and corporate functions of the Corporation and matters pertaining to relation with the Government.*
- *Financial management of the Corporation.*
- *Human resource development.*

PROGRAMME COORDINATION

- *Formulation of policies, programmes and incentives for the development of Malaysian SMEs.*
- *Undertake studies related to SME development.*
- *Coordinate the implementation of SME development programmes in collaboration with other related agencies as well as cooperation at regional and international level.*
- *Develop, collate and maintain a comprehensive database on SMEs in the manufacturing sector.*

FINANCE AND MONITORING

- *Formulation of policies and guidelines for the financial assistance programmes*
- *Processing and monitoring of grants and soft loan schemes offered to SMEs*
- *Cooperating with financial institutions to facilitate SMEs' access to finance*
- *Undertake assesment studies related to implementation of the financial assistance programmes*





PEMBANGUNAN ENTERPRIS & KEUSAHAWANAN

- Membangun dan membimbing PKS agar menjadi pengilang dan pembekal yang boleh dipercayai dan berdaya saing untuk menerajui industri.
- Mempertingkatkan kapasiti dan kemampuan PKS untuk menyediakan perkhidmatan dan produk bertaraf dunia kepada syarikat-syarikat gergasi atau MNC serta kepada operasi syarikat tersebut di seluruh dunia.
- Membantu PKS dalam menerimapakai ICT ke dalam proses pengeluaran dan pengurusan.
- Membantu PKS mengenal pasti teknologi guna pakai masa depan dan penting yang diperlukan oleh industri.

KOMUNIKASI KORPORAT

- Bertanggungjawab merumus, melaksana dan menguruskan dasar & strategi promosi bagi program-program bantuan PKS.
- Kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan PKS lain di peringkat dalam & luar negara dalam menggalakkan pertumbuhan & pembangunan PKS.
- Menyebarkan maklumat berhubung program pembangunan, bantuan kewangan dan aktiviti berkaitan PKS lain menerusi media.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Bertanggungjawab ke atas perancangan dan pengurusan infrastruktur ICT untuk menyokong proses perniagaan dalaman.
- Menyediakan landasan bagi penyebaran maklumat kepada PKS.
- Mengumpul dan menguruskan data berbentuk statistik berhubung PKS.
- Bertanggungjawab mempromosi fungsi dan tanggungjawab SMIDEC kepada orang ramai.

EKONOMI & PERANCANGAN DASAR

- Analisis arah aliran & prestasi SME
- Unjuran ekonomi mikro bagi SME
- Sumbangan SME kepada ekonomi
- Isu-isu dan risiko penting yang menjejaskan SME
- Analisis kesan kemungkinan senario dan langkah-langkah dasar
- Pilihan dasar untuk menangani risiko
- Penetapan sasaran bagi pembangunan SME

ENTERPRISE DEVELOPMENT & ENTREPRENEURSHIP

- *Developing and nurturing SMEs to become reliable and competitive manufacturers and suppliers to leading industries*
- *Enhancing capacity and capabilities of SMEs to provide world-class services and products to large corporations or MNCs and to their operations world-wide.*
- *Facilitating SMEs in the adoption of ICT into their production and management processes.*
- *Assisting SMEs in identifying future and critical enabling technologies required by industries.*

CORPORATE COMMUNICATION

- *Responsible for the formulation, implementation and management of promotional policies & strategies on SME assistance programmes.*
- *Cooperation with other SME related agencies at the local & international level in promoting growth & development of SMEs.*
- *Disseminate information on the SME development programmes, financial assistance and other related activities through the media.*

INFORMATION TECHNOLOGY

- *Responsible for the planning and management of ICT infrastructure to support internal business process*
- *To provide platform for dissemination of information to SMEs*
- *Compile and manage statistical data on SMEs*
- *Responsible to promote SMIDEC's functions and responsibilities to the general public.*

ECONOMIC & POLICY PLANNING

- *Analysis of trends & performance of SMEs*
- *Macroeconomic outlook for SMEs*
- *Contribution of SMEs to the economy*
- *Key issues and risks affecting SMEs*
- *Impact analysis of possible scenarios and policy measures*
- *Policy options to address risks*
- *Target setting for SME development*





Laporan Korporat

Corporate Report

Tinjauan <i>Overview</i>	32
Inisiatif Dasar dalam Pembangunan EKS <i>Policy Initiatives in SME Development</i>	33
Prestasi Skim Bantuan Kewangan <i>Performance of Financial Assistance Scheme</i>	36
Program Pembangunan EKS <i>SME Development Programmes</i>	40
Kerjasama Antarabangsa <i>International Cooperation</i>	51
Program Capaian <i>Outreach Programmes</i>	54
Prospek <i>Outlook</i>	56
Artikel Kotak <i>Box Article</i>	58
Pelan Tindakan Bersepadu Tahunan PKS <i>The Annual SME Integrated Plan of Action</i>	
Kesan Krisis Ekonomi dan Kewangan Global Terhadap PKS <i>Impact of The Global Economic and Financial Crisis on SMEs</i>	

TINJAUAN OVERVIEW



Tahun 2009 merupakan tahun penting dalam sejarah pembangunan industri kecil dan sederhana dalam Malaysia di mana Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) telah diberi identiti baru sebagai Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp. Malaysia). SME Corp. Malaysia telah mengambil peranan sebagai Agensi Penyelaras Pusat dalam pembangunan PKS. Agensi ini telah memperluaskan fungsinya, selain daripada memberi sokongan kepada pembangunan perniagaan juga merangka dasar PKS secara menyeluruh. Penyelaras program-program pembangunan PKS dan perkhidmatan rundingan perniagaan tuntas di bawah Pusat Rujukan Setempat turut dipertanggungjawabkan kepada agensi ini, selain bertindak sebagai sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK).

SME Corp. Malaysia telah meneruskan pelaksanaan program-program pembangunan PKS dan juga skim bantuan kewangan dalam tahun tersebut. Bilangan permohonan untuk geran bersamaan dan pinjaman mudah mencatat peningkatan yang signifikan ekoran pelonggaran dalam kriteria permohonan yang dilaksanakan dalam tahun 2008. Di arena antarabangsa, SME Corp. Malaysia mengekalkan penyertaan yang teguh dalam forum-forum ASEAN dan APEC, di samping mewujudkan hubungan dua-hala dengan rakan asing melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman.

Tahun 2009 terbukti amat mencabar bagi komuniti perniagaan kerana banyak perniagaan telah terjejas akibat krisis ekonomi dan kewangan. Pelbagai langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui pakej-pakej rangsangan untuk membantu PKS pulih dan meneruskan perniagaan.

Krisis tersebut, bagaimanapun telah membuka peluang kepada PKS untuk memberi tumpuan terhadap usaha pembangunan sumber manusia, mendapatkan lebih banyak peluang perniagaan hasil daripada aktiviti penyumberluaran syarikat besar, memberi tumpuan kepada aktiviti penyelidikan & pembangunan (R&D) dan inovasi bagi mempelbagaikan perniagaan.

The year 2009 charted an important milestone in the history of small and medium enterprises (SMEs) development in Malaysia, with the rebranding of the Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC) as the Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia). More than just a process of rebranding, SME Corp. Malaysia assumes the role of Central Coordinating Agency for SME development. With this, SME Corp. Malaysia has expanded its functions beyond business support to include formulating overall SME policy, coordinating SME development programmes, providing comprehensive business advisory services under the "One Referral Centre", as well as acting as the Secretariat for the National SME Development Council (NSDC).

During the year, SME Corp. Malaysia continued to implement SME development programmes, as well as financial assistance schemes. A significant increase was registered in the number of applications for matching grants and soft loans, attributed to the relaxation of grant application criteria in 2008. In the international arena, SME Corp. Malaysia continued its strong presence in the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) and Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) fora, in addition to embarking on bilateral relationships through formalising a Memorandum of Understanding (MOU) with foreign partners.

The year 2009 proved to be very challenging for the business community as many businesses were affected by the economic and financial crisis. Various measures introduced by the Government through its stimulus packages assisted SMEs to revive and sustain their operations during this period.

The crisis, however, has also brought opportunities for many SMEs to focus their efforts on human resource development, secure more business deals as a result of outsourcing by large enterprises, as well as focus on Research and Development (R&D) and innovation activities in order to diversify their businesses.

INISIATIF DASAR DALAM PEMBANGUNAN EKS

POLICY INITIATIVES IN SME DEVELOPMENT



Penjenamaan semula SMIDEC kepada SME Corp. Malaysia turut melahirkan inisiatif baru di bawah pakej-pakej rangsangan seperti definisi Knowledge SMEs (K-SMEs). Dua inisiatif Utama telah dihebahkan bagi memastikan penggunaan secara berkesan dana Kerajaan selain memudahkan peluang mendapatkan pembiayaan untuk PKS. Inisiatif-inisiatif ini adalah Rasionalisasi Dana Kerajaan dan Inisiatif Pembangunan PKS di bawah Bajet 2010. Rasionalisasi merujuk kepada pelaksanaan secara berkesan dana Kerajaan manakala Bajet memberi tumpuan kepada pewujudan kemudahan-kemudahan baru pembiayaan.

RASIONALISASI DANA KERAJAAN

Mesyuarat MPPK ke-9 telah menyokong cadangan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk merasionaliskan 114 tabung PKS sedia ada kepada 33, di mana 19 untuk skim pinjaman, manakala 14 untuk geran. Objektif rasionalisasi adalah untuk mengoptimalkan penggunaan sumber kewangan Kerajaan secara lebih berkesan dan pelaksanaannya dijadualkan pada awal 2010.

MITI telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dana bagi aktiviti di bawah sektor pembuatan dan perkhidmatan, serta inisiatif berkaitan eksport. Dana di bawah MITI yang telah dirasionalisasikan adalah seperti berikut:

- Semua skim pinjaman mudah PKS di bawah SME Corp. Malaysia yang telah dilaksanakan oleh MIDF digabungkan menjadi satu skim, iaitu Skim Pinjaman Mudah PKS (SLSME);
- Program Peningkatan Kemahiran dan Program Peningkatan Kemahiran Pemasaran PKS yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia telah digabungkan menjadi satu skim, dikenali sebagai Geran Peningkatan Kemahiran;
- Skim Geran Bersamaan sedia ada yang lain digabung menjadi satu dana, yang dikenali sebagai Geran bagi Meningkatkan Keupayaan PKS;
- Dana Eksport Perkhidmatan, Geran Promosi Jenama dan Geran Pembangunan Pemasaran yang dikendalikan oleh MATRADE digabungkan di bawah satu dana, iaitu Dana Promosi Pemasaran; dan
- 15 skim kewangan di bawah SME Bank akan digabungkan menjadi satu dana – Pinjaman bagi Usahawan PKS.

Apart from the rebranding of SMIDEC to SME Corp. Malaysia, 2009 also saw definition of K-SMEs as well as initiatives under the stimulus packages. Two key initiatives were announced to ensure effective implementation of Government funds as well as to strengthen the access to financing for SMEs. These initiatives were the Rationalisation of Government Funds and SME Development Initiatives under the 2010 Budget. Rationalisation refers to the effective implementation of Government funds while the budget highlights the availability of new financing facilities.

RATIONALISATION OF GOVERNMENT FUNDS

The 9th National SME Development Council (NSDC) Meeting endorsed the proposal by the Economic Planning Unit (EPU) to rationalise the existing 114 SME funds to 33, out of which 19 are for loan schemes and 14 for grants. The objective of the rationalisation is to optimise the effective utilisation of Government financial resources and its implementation is scheduled for early 2010.

The Ministry of International Trade and Industry (MITI) has been assigned to monitor funds for the activities under the manufacturing and services sectors, as well as under the export initiatives. The funds under MITI were rationalised and are as follows:

- All soft loan schemes for SMEs under SME Corp. Malaysia and implemented by MIDF to be consolidated into one scheme, namely the Soft Loan for SMEs (SLSME);
- Skills Upgrading Programme and Enhancing Marketing Skills of SMEs implemented by SME Corp. Malaysia will be consolidated into a single scheme, the Grant for Upgrading of Skills for SMEs;
- Other existing matching grant schemes managed by SME Corp. Malaysia will be consolidated into one fund, known as the Grant for Enhancing Capability of SMEs;
- The Services Export Fund, the Brand Promotion Grant and the Market Development Grant managed by MATRADE will be consolidated into one fund, under the Marketing Promotion Fund; and
- 15 financing schemes under SME Bank will be consolidated into one fund - the Loan for SME Entrepreneurs.



INISIATIF DASAR DALAM PEMBANGUNAN EKS

POLICY INITIATIVES IN SME DEVELOPMENT

INISIATIF PEMBANGUNAN PKS DI BAWAH BAJET 2010

Bajet yang diumumkan pada Oktober 2010 mengandungi pelbagai langkah untuk menggalakkan pelaburan swasta. Langkah-langkah tersebut termasuk skim pembiayaan, insentif cukai, program penambahbaikan kemahiran dan pembangunan infrastruktur. Ia akan dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan berkaitan.

Objektif langkah-langkah tersebut adalah untuk menggalakkan pelaburan dalam membangunkan bidang pertumbuhan baru terutamanya, dalam sektor pertanian dan perkhidmatan. SME Corp. Malaysia telah diperuntukkan sejumlah RM350 juta untuk program pembiayaan dan pembinaan keupayaan. Langkah-langkah penting yang lain untuk pembangunan PKS termasuk:

- peruntukan RM2 bilion dalam program sokongan, insentif dan bantuan kepada petani dan nelayan;
- peruntukan RM1.1 bilion berbentuk insentif dan program sokongan untuk pesawah;
- pewujudan Dana Industri Kreatif bernilai RM200 juta bagi membiayai pembangunan perfileman, animasi dan kandungan tempatan di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN);
- penyediaan peruntukan tambahan berjumlah RM200 juta bagi Skim Pembiayaan Kebangsaan TEKUN (termasuk RM 20 juta untuk para usahawan India Malaysia);

SME DEVELOPMENT INITIATIVES UNDER THE 2010 BUDGET

The Budget announcement in October 2009 comprised various measures to encourage private investment by SMEs. These measures include financing schemes, tax incentives, skill enhancement programmes and infrastructure development and will be implemented by the relevant Ministries and Government agencies.

The objective of these measures is to encourage investment in developing new areas of growth, particularly in the agriculture and services sectors. SME Corp. Malaysia had been allocated RM350 million for capacity building and financing programmes. Other key measures for SME development include:

- provision of RM2 billion in support programmes, incentives and assistance to farmers and fishermen;
- provision of RM1.1 billion incentives and support programmes for paddy farmers;
- establishment of a RM200 million Creative Industry Fund to finance films, animation and local content development under Bank Simpanan Nasional (BSN);
- provision of additional allocation of RM200 million under the TEKUN National Financing Scheme (including RM20 million for Malaysian Indian entrepreneurs);





- pewujudan perlindungan insurans mikro dan takaful untuk perniagaan kecil dengan premium minima bernilai RM20 setiap bulan untuk perlindungan antara RM10,000 hingga RM20,000;
- kelulusan untuk skim pembiayaan mikro oleh institusi kewangan akan disingkatkan kepada purata enam hari manakala pengeluaran dana disingkatkan kepada purata empat hari;
- peruntukan RM57 juta bagi mewujudkan premis perniagaan untuk PKS;
- peruntukan dana berjumlah RM30 juta bagi mewujudkan 300 buah Kedai Desa di seluruh negara di bawah Lembaga Pembangunan Bandar (UDA);
- pemberian potongan cukai ke atas perbelanjaan yang ditanggung oleh PKS dalam pendaftaran paten dan cap dagang dalam negara.
- peruntukan RM548 juta untuk meningkatkan kemahiran di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan pusat-pusat pembangunan kemahiran negeri untuk program latihan perindustrian (teknikal, hospitaliti, kulineri dan perabot); dan
- penyediaan latihan kemahiran (termasuk program keusahawanan untuk lebih 3,000 wanita) dan kemudahan kredit mikro (Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat).
- *establishment of micro insurance and takaful coverage for small businesses, with a minimum premium of RM20 per month for coverage ranging from RM10,000 to RM20,000;*
- *approval time for micro financing schemes by financial institutions which will be shorten to an average of six days and disbursement of funds to an average of four days;*
- *provision of RM57 million to establish business premises for SMEs;*
- *provision of RM30 million fund to establish 300 units of Kedai Desa nationwide under the Urban Development Authority (UDA);*
- *provision of tax deduction on expenses incurred by SMEs in the registration of patents and trademarks in the country;*
- *allocation of RM548 million for skills upgrading under Majlis Amanah Rakyat (MARA) and state skills development centres for industrial training programmes (technical, hospitality, culinary and furniture); and*
- *provision of skills training (including an entrepreneurship programme for more than 3,000 women) and micro credit facilities (Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat).*

PRESTASI SKIM BANTUAN KEWANGAN

PERFORMANCE OF FINANCIAL ASSISTANCE SCHEMES

Pada tahun 2009, SME Corp. Malaysia telah menerima sejumlah 12,618 permohonan untuk pelbagai projek di bawah geran dan skim pinjaman mudah, iaitu peningkatan sebanyak 187.5% berbanding dengan 4,389 permohonan yang diterima dalam tahun 2008. Daripada jumlah permohonan yang diterima dalam tahun 2009, 12,442 adalah untuk skim geran manakala 186 skim pinjaman mudah. Peningkatan mendadak dalam jumlah ini sebahagian besarnya merupakan hasil daripada aktiviti promosi yang agresif serta langkah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh SME Corp Malaysia.

SME Corp. Malaysia in 2009 received a total of 12,618 applications for various projects under the grant and soft loan schemes, an increase of 187.5%, compared with 4,389 applications received in 2008. From the total applications received, 12,442 were for the grant schemes, while another 186 were for the soft loan schemes. The big increase in the number of applications was to a large extent the result of aggressive promotional activities, as well as facilitative measures undertaken by SME Corp. Malaysia.


SKIM GERAN

Dalam tahun 2009, sejumlah 4,270 projek dengan geran bernilai RM143.27 juta telah diluluskan, mencatat peningkatan sebanyak 6.2% berbanding 4,019 dalam tahun 2008.


GRANT SCHEMES

A total of 4,270 projects with grants amounting to RM143.3 million were approved in 2009, registering an increase of 6.2%, compared with 4,019 approvals in 2008.


Carta 6.1 : Skim Geran yang Diluluskan, 2009 dan 2008
Chart 6.1 : Approval of Grant Schemes, 2009 and 2008



Carta 6.2 : Skim Geran yang Diluluskan Berdasarkan Sektor, 2009
Chart 6.2 : Approval of Grant Schemes by Sector, 2009



Carta 6.3 : Skim Geran yang Diluluskan mengikut Negeri, 2009
Chart 6.3 : Approval of Grant Schemes by States, 2009



Skim Bantuan Kewangan untuk PKS dalam Sektor Perkhidmatan mencatat kelulusan tertinggi dengan nilai RM46.2 juta untuk 1,682 projek. Sebahagian besar daripada kelulusan tersebut adalah untuk PKS dalam perdagangan edaran, termasuk pemborongan dan peruncitan yang merupakan 84.5% daripada jumlah yang diluluskan. Kebanyakan projek yang diluluskan kepada PKS adalah untuk memulakan perniagaan serta menjalankan aktiviti pengiklanan dan promosi.

Kelulusan tertinggi berikutnya adalah Skim Geran Pembangunan Pasaran bernilai RM12.9 juta untuk 1,363 projek, mewakili 32% daripada jumlah yang diluluskan. Penerima utama skim ini adalah sektor perabot, makanan dan minuman serta bahan binaan.

Dari segi jumlah kelulusan mengikut negeri, Selangor mencatatkan pemrosesan tertinggi pada tahun 2009 dengan 1,674 projek (RM52.4 juta), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 698 projek (RM23.8 juta), dan Johor dengan 478 projek (RM13.9 juta).

The Financial Assistance Scheme for SMEs in the Services Sector recorded the highest approvals totalling RM46.2 million for 1,682 projects. These approvals were mainly for SMEs in the distributive trade, including wholesale and retail, and representing 84.5% of total approvals. The majority of the projects approved were for SMEs to start their businesses as well as undertake advertising and promotional activities.

This was followed by the Market Development Grant Scheme with approvals amounting to RM12.9 million for 1,363 projects, representing 32% of the total approvals. The main beneficiaries of this scheme were the furniture, food and beverages, and the building materials sub-sectors.

In terms of approvals by States, Selangor recorded the highest applications in 2009, with 1,674 projects (RM52.4 million), followed by Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 698 projects (RM23.8 million) and Johor, 478 projects (RM13.9 million).



PRESTASI SKIM BANTUAN KEWANGAN

PERFORMANCE OF FINANCIAL ASSISTANCE SCHEMES

SKIM PINJAMAN MUDAH

Ketiga-tiga skim pinjaman mudah yang dilaksanakan oleh Malaysian Industrial Development Finance (MIDF), iaitu Pinjaman Mudah untuk PKS (SLSME), Pinjaman Mudah untuk Penempatan Semula Kilang (SLFR) dan Pinjaman Mudah untuk Penerapan Aplikasi ICT (SLICT) telah mencatat sebanyak 138 kelulusan dalam tahun 2009 dengan pinjaman bernilai RM101.9 juta berbanding 268 kelulusan dengan nilai RM222.9 juta dalam 2008. SLSME mencatat kelulusan tertinggi (132) dengan nilai RM98.7 juta diikuti SLFR (4 kelulusan) dengan nilai RM2.7 juta seterusnya SLICT (2 kelulusan) dengan nilai RM0.5 juta.


Kelulusan pinjaman tertinggi adalah untuk PKS di Selangor dengan 42 kelulusan (RM33.3 juta) diikuti Sarawak, 17 kelulusan (RM15 juta) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 16 kelulusan (RM13.3 juta).

SOFT LOAN SCHEMES

Three soft loan schemes, namely the Soft Loan for SMEs (SLSME), Soft Loan for Factory Relocation (SLFR) and Soft Loan for ICT Adoption (SLICT) that were implemented by the Malaysian Industrial Development Finance (MIDF), recorded 138 approvals in 2009 with loans amounting to RM101.9 million, compared with 268 approvals valued at RM222.9 million in 2008. The SLSME recorded the highest approvals (132 approvals) amounting to RM98.7 million, followed by the SLFR (4 approvals) amounting to RM2.7 million and SLICT (2 approvals) amounting to RM0.5 million.


The highest loan approvals were for SMEs in Selangor with 42 approvals (RM33.3 million), followed by Sarawak and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur with 17 and 16 approvals, valued at RM15 million and RM13.3 million respectively.

Carta 6.4 : Kelulusan Pinjaman Mudah mengikut Negeri, 2009
Chart 6.4 : Approval of Soft Loan Schemes by States, 2009





Carta 6.5 : Kelulusan Pinjaman Mudah mengikut Sektor, 2009
Chart 6.5 : Approval of Soft Loan Schemes by Sub-Sector, 2009



Sektor perkhidmatan telah mencatat bilangan kelulusan tertinggi, 41 projek dengan pinjaman bernilai RM25.7 juta, diikuti sektor makanan dan minuman 17 kelulusan bernilai RM9.8 juta dan sektor produk kimia 14 kelulusan bernilai RM11.6 juta.

Pada Julai 2009, MPPK telah mengarahkan Kementerian dan Agensi berkaitan untuk merasionalkan semua dana PKS berkuatkuasa 2010. Objektif perasionalan adalah untuk mengoptimalkan penggunaan sumber kewangan Kerajaan, dengan memastikan bantuan kewangan diberikan kepada kumpulan sasaran sebenar. SME Corp. Malaysia akan melaksanakan skim baru tersebut pada 2010

The highest number of approvals was recorded by the services sector with 41 projects with loans totalling RM25.7 million, followed by the food and beverages sub-sectors as well as chemicals and chemical products sub-sectors, with 17 and 14 approvals valued at RM9.8 million and RM11.6 million respectively.

In July 2009, the National SME Development Council (NSDC) instructed relevant Ministries and agencies to rationalise all SME funds effective from 2010. The objective of the rationalisation was to optimise the utilisation of Government financial resources, by ensuring that financial assistance was provided to the right target groups. SME Corp. Malaysia will implement the new schemes in 2010.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

SME DEVELOPMENT PROGRAMMES



Keupayaan PKS Malaysia untuk bersaing dan berjaya dalam pasaran domestik dan global adalah bergantung kepada kesediaan untuk meningkatkan keupayaan secara berterusan serta berupaya menembusi pasaran. Program SME Corp. Malaysia memberi penekanan kepada membina keupayaan PKS dan memudahkan akses kepada pasaran. Ini kerana penandaarasan berterusan terhadap amalan perniagaan terbaik, memanfaatkan modal insan, mematuhi piawaian yang diterima secara global, menggunakan teknologi baru dan juga menerokai pasaran baru sangat diperlukan untuk pembangunan PKS.

The ability of Malaysian SMEs to compete and succeed in both the domestic and global market is dependent on their willingness to continuously upgrade their capability as well as the ability to access markets. SME Corp. Malaysia's programmes emphasize capacity building of SMEs and facilitating market access. This is because continuous benchmarking against best business practices, harnessing human capital, adherence to globally-accepted standards and adopting new technologies as well as exploring new markets are essential for SME development.

AKSES KEPADA PASARAN

Program untuk PKS yang telah dijalankan dalam tahun 2009 bagi memudahkan akses kepada pasaran termasuk:

I. Program Rantaian Industri (ILP)

Pembangunan PKS yang berdaya saing dan inovatif adalah amat penting kerana mereka merupakan komponen utama dalam rangkaian industri tempatan sebagai pembekal produk dan perkhidmatan kepada syarikat besar dan multinasional (MNC) sejak program diperkenalkan pada tahun 1999. Sehingga penghujung 2009 sebanyak 974 PKS telah dihubungkan dengan MNC, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat besar. Di bawah program ini, PKS telah membekalkan produk dan perkhidmatan, dengan menjana jualan bernilai RM1.12 bilion. Dalam tahun 2009 sejumlah 115 PKS telah dibangunkan di bawah program tersebut dengan potensi jualan RM230.3 juta. Ini merupakan peningkatan 90.5% berbanding potensi jualan bernilai RM120.9 juta pada tahun 2008.

II. Program Pembekal Global (GSP)

Program Pembekal Global (GSP) yang merupakan pelengkap kepada pelaksanaan program ILP adalah bertujuan meningkatkan keupayaan PKS untuk membekalkan produk dan perkhidmatan kepada syarikat besar/MNC/GLC termasuk pasaraya besar serta operasi mereka di seluruh dunia.

Usahasama antara SME Corp. Malaysia dengan pasaraya besar, syarikat penerbangan tambang murah dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan telah diwujudkan pada tahun 2009. Ini bertujuan untuk memudahkan rantaian serta meningkatkan keupayaan PKS bagi memenuhi keperluan syarikat besar/MNC/GLC, dan seterusnya memudahkan akses PKS ke pasaran eksport.

ACCESS TO MARKETS

The programmes undertaken in 2009 to facilitate market access for SMEs include:

I. Industrial Linkage Programme (ILP)

Industrial Linkage Programme (ILP) aims to develop competitive and innovative SMEs as they form an integral part of the industrial network in the country as suppliers of products and services to large companies and multinational corporations (MNCs) since the introduction of the programme in 1999. A total of 974 SMEs as at the end of 2009 were linked with MNCs, Government Linked Companies (GLCs) or large companies. Under this Programme, SMEs supplied products and services and generated total sales valued at RM1.1 billion. A total of 115 SMEs in 2009 were developed under this programme with potential sales of RM230.3 million. This was an increase of 90.5%, compared with the 2008 potential sales amounting to RM120.9 million.

II. Global Supplier Programme

The Global Supplier Programme (GSP) which complements the implementation of ILP is aimed at enhancing the capabilities of SMEs to supply products and services to large companies/MNCs/GLCs including hypermarkets and their worldwide operations.

Collaborative efforts in 2009 between SME Corp. Malaysia, hypermarkets, a Malaysian low cost carrier and GLCs were initiated to facilitate linkages, enhance capabilities of SMEs to meet the requirement of large companies/MNCs/GLCs, and consequently facilitate their access to the export market.

Sejumlah 30 PKS telah dilantik sebagai pembekal baru. Di kalangan pembekal sedia ada, 65 PKS telah diberi bantuan bagi memperbaiki keupayaan mereka dari segi pembungkusan produk, pematuhan kepada standard dan pensijilan, serta melaksanakan aktiviti promosi. Lima PKS telah dipilih untuk membekalkan produk ke pasaraya besar di United Kingdom, bermula pada suku tahun pertama 2010.

III. Usahasama SME Corp. Malaysia-Nestlé-HDC

Usahasama antara SME Corp. Malaysia, Nestlé dan Halal Industry Development Corporation (HDC) diwujudkan untuk menggalakkan pembangunan peluang perniagaan kepada PKS yang terlibat dalam industri makanan dan minuman halal melalui pemeteraian Memorandum Persetujuan (MoA) pada Ogos 2009. Antara inisiatif yang akan dijalankan di bawah usahasama ini adalah mengenalpasti dan melaksanakan program peningkatan keupayaan bagi pembekal sedia ada dan berpotensi kepada Nestlé serta pelaksanaan Program Mentor PKS.

Program Mentor PKS adalah bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh Nestlé kepada pembekal sedia ada dan baru melalui beberapa siri program latihan. Keupayaan PKS akan dipertingkatkan bagi membolehkan mereka membekal produk kepada Nestlé dan MNC lain dalam pasaran domestik dan global. Program tersebut akan dilaksanakan sepenuhnya pada awal 2010.

IV. SMIDEX 2009

Pameran tahunan SMIDEX (SMIDEX) 2009 telah diadakan dari 3 hingga 5 Jun 2009. Objektif pameran adalah untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan PKS kepada pembeli berpotensi, terutamanya di kalangan syarikat besar dan MNC. Sejumlah 333 syarikat yang mewakili pelbagai sub-sektor daripada sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan berkaitan pembuatan dan perkhidmatan telah mengambil bahagian dalam pameran ini. Bertemakan "Innovation & Technology: Sustaining Power for SMEs", pameran ini memberi fokus kepada inovasi bagi mewujudkan kesedaran terhadap teknologi yang terdapat di pasaran. Pameran tersebut telah dihadiri seramai 9,032 pengunjung perdagangan termasuk pengunjung asing dari Amerika Syarikat, Australia, Bahrain, Iran, Itali, Jepun, Kanada, Perancis, Singapura dan Taiwan. Sesi pepadanan perniagaan yang diatur ketika pameran, melibatkan 16 MNC, tujuh syarikat besar dan 81 PKS tempatan bersama-sama dengan tiga syarikat asing telah menghasilkan potensi jualan RM150 juta.

A total of 30 SMEs were appointed as new suppliers. Among the existing suppliers, 65 were given assistance to improve their capabilities in terms of product packaging, compliance to standards and certification, as well as to undertake promotional activities. Five SMEs were selected to supply products to a hypermarket in the United Kingdom, with delivery scheduled to be made by the first quarter of 2010.

III. SME Corp. Malaysia-Nestlé-Halal Industry Development Corporation Collaboration

A joint effort between SME Corp. Malaysia, Nestlé and Halal Industry Development Corporation (HDC) was initiated to promote the development of business opportunities for SMEs involved in the halal food and beverage industry. This collaboration was formalised through a Memorandum of Agreement (MoA) in August 2009. Among the initiatives to be undertaken under this collaboration are identifying and implementing capacity building programmes for potential and existing suppliers to Nestlé and the implementation of SME Mentoring Programme.

The SME Mentoring Programme aims to impart knowledge and skills acquired by Nestlé to their existing and new suppliers, through a series of training programmes. The capabilities of the SMEs will be further enhanced to enable them to supply to Nestlé and other MNCs in the domestic and global markets. This programme will be fully implemented in early 2010.

IV. Small and Medium Industries Development Exhibition 2009

The annual SME showcase, Small and Medium Industries Development Exhibition (SMIDEX) 2009 was held on June 2009 with the objective of promoting products and services of SMEs to potential buyers, especially large companies and MNCs. A total of 333 companies participated in the event, representing various sub-sectors from the manufacturing, manufacturing-related services sub-sectors and services sector. The SMIDEX 2009 theme, "Innovation & Technology: Sustaining Power for SMEs" created an awareness of the technologies available in the market. The three-day event recorded a total of 9,032 trade visitors, including foreign visitors from Australia, Bahrain, Canada, France, Iran, Italy, Japan, Singapore, Chinese Taipei and the USA. The Business Matching Sessions organised during the event involving 16 MNCs, seven large companies and 81 SMEs locally together with three foreign companies generated potential sales of RM150 million.



PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

SME DEVELOPMENT PROGRAMMES

PROGRAM PEMBANGUNAN JENAMA PKS

Program Pembangunan Jenama PKS telah diperkenalkan bertujuan untuk lebih menampilkan produk dan perkhidmatan PKS di pasaran tempatan dan antarabangsa melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif penjenamaan.

I. National Mark of Malaysian Brand

National Mark of Malaysian Brand telah dirangka untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjenamaan. Pada tahun 2009, SME Corp. Malaysia melalui kerjasama dengan SIRIM Berhad telah membangunkan kriteria untuk Skim Pensijilan Jenama Malaysia. Syarikat yang mematuhi kriteria pensijilan akan dianugerahkan logo National Mark yang telah dilancarkan pada Mac 2009. Sehingga Disember 2009, sejumlah 20 permohonan telah diterima untuk menyertai Skim ini. Daripada jumlah tersebut, dua syarikat telah diberi pensijilan Jenama Malaysia, manakala selebihnya masih dalam peringkat penilaian.

II. Brand Entrepreneur Conference (BEC)

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap amalan terbaik mengenai penjenamaan serta kepentingan untuk menampilkan sesuatu jenama di pasaran, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Persatuan Penjenamaan Malaysia (BAM) telah menganjurkan Persidangan Brand Entrepreneur pada 2 Mac 2009. Bersempena dengan persidangan ini, pelancaran National Mark, Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd. Yassin, disaksikan oleh DYTM Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah Ibtisam Sultan Azlan Muhibuddin Shah, dengan kehadiran 500 peserta.

III. Mewujudkan Kesedaran terhadap Kepentingan Penjenamaan

Beberapa seminar telah diadakan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai penjenamaan produk dan perkhidmatan selain daripada kepentingan untuk membina, membangun dan mempromosikan jenama sendiri. Seminar mengenai "Malaysian Brand Certification – The Passport to Global Recognition" telah diadakan di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak, secara usahasama dengan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sejumlah 219 syarikat telah menghadiri seminar tersebut.

IV. "Akademi Penjenamaan dan Pembungkusan" SME Corp. Malaysia-LUCT

SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT) untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Penjenamaan, Pembungkusan, Inovasi dan Teknologi. Pusat tersebut bertujuan membantu PKS untuk meningkatkan pengetahuan mengenai penjenamaan dan pembungkusan. Galeri Bergerak Penjenamaan dan Pembungkusan yang merupakan salah satu inisiatif di bawah usahasama ini adalah untuk menyampaikan maklumat mengenai penjenamaan dan pembungkusan kepada PKS luar bandar di seluruh negara. Program ini akan bermula pada suku tahun pertama 2010.

SME BRAND DEVELOPMENT PROGRAMME

The SME Brand Development Programme was developed to improve the visibility of SME products and services, in both the local and international markets through the implementation of various branding initiatives.

I. National Mark of Malaysian Brand

The National Mark of Malaysian Brand was formulated to increase awareness on the importance of branding. In 2009, SME Corp. Malaysia in collaboration with SIRIRIRIM Berhad developed the criteria for the Malaysian Brand Certification Scheme. Companies that comply with the certification criteria will be awarded the National Mark logo launched in March 2009. As of December 2009, a total of 20 applications have been received from the industry to participate in the Scheme. Out of these, two companies have been certified with the Malaysian Brand, while the rest were being evaluated.

II. The Brand Entrepreneur Conference (BEC)

In an effort to increase awareness about best practices on branding as well as to educate companies on the importance of a strong brand, SME Corp. Malaysia in collaboration with the Branding Association of Malaysia (BAM) organised the Brand Entrepreneur Conference on 2 March 2009. In conjunction with the event, a soft launch of the National Mark was officiated by Minister of International Trade and Industry, Y.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd. Yassin in the presence of H.R.H. Raja Nazrin Shah, Regent of Perak. A total of 500 participants attended the event.

III. Creating Awareness on the Importance of Branding

A series of seminars were organised to enhance knowledge on branding for products and services as well as the importance of building, developing and promoting own brands. Seminars on "Malaysian Brand Certification – The Passport to Global Recognition" were organised in Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang and Sarawak, in collaboration with SIRIRIRIM QAS International Sdn. Bhd. A total of 219 companies attended the Seminars.

IV. SME Corp. Malaysia-LimKokWing University of Creative Technology "Branding and Packaging Academy"

SME Corp. Malaysia collaborated with LimKokWing University of Creative Technology (LUCT) to establish the Centre of Excellence for Branding, Packaging, Innovation and Technology. The Centre aims to assist SMEs in enhancing their knowledge on branding and packaging. One of the initiatives under this collaboration is the Branding and Packaging Mobile Gallery, to disseminate information on branding and packaging to rural SMEs across the country. This programme will commence in the first quarter of 2010.





BINA UPAYA

I. Bantuan Teknikal

a) Program Bantuan Pakar Teknikal Automotif di bawah Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO)

SME Corp. Malaysia bertanggungjawab mengendalikan Projek A-1, iaitu Program Bantuan Pakar Teknikal Automotif di bawah inisiatif Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement (MJEPA). Program yang diperkenalkan dalam 2006 bertujuan menaik taraf proses pembuatan peralatan dan komponen automotif oleh pengeluar tempatan. Program bina upaya tersebut menggunakan Lean Production System (LPS) kaedah yang dibangunkan pada asalnya oleh Toyota dalam pembuatan automobil. Sistem tersebut juga dikenali sebagai Toyota Production System. Matlamat LPS adalah "untuk memastikan supaya barang yang tepat di bawa ke tempat yang tepat pada masa yang tepat, pada kali yang pertama, di samping mengurangkan pembaziran serta terbuka kepada perubahan". LPS tidak menumpukan sumber bagi merancang keperluan untuk pengeluar peralatan dan komponen masa hadapan, sebaliknya memfokuskan kepada pengurangan masa tindakbalas sistem, supaya sistem pengeluaran berupaya untuk diubah dan disesuaikan kepada kehendak pasaran dengan serta merta. Hasilnya, pengeluaran peralatan dan komponen automotif oleh PKS adalah berasaskan pengeluaran mengikut tempahan (Just-in-time). Prinsip LPS membolehkan syarikat membekal berdasarkan permintaan, meminimakan inventori, memaksimakan penggunaan pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran, meratakan struktur pengurusan, dan memfokuskan sumber di mana ia lebih diperlukan.

Sehingga kini, sejumlah 69 syarikat telah menyertai program ini. Syarikat-syarikat ini telah dibimbing dan dipantau oleh 68 pakar industri dari Jepun yang berpengalaman luas dalam industri automotif. Mereka telah berjaya menyiapkan sebanyak 133 projek penambahbaikan. Projek MAJAICO A-1 ini dijadualkan siap pada Jun 2011, dengan 150 projek dijangka akan menjalani penambahbaikan dari segi kecekapan aliran pengeluaran.

Setiap proses penambahbaikan akan dinilai dan diperbaiki secara berterusan dari aspek masa yang diperlukan, sumber yang digunakan, kualiti yang dihasilkan, dan aspek lain yang berkaitan dengan kecekapan aliran pengeluaran. LPS apabila dilaksanakan di tempat kerja akan menggalakkan proses penambahbaikan secara berterusan, melibatkan kakitangan di setiap peringkat. Syarikat yang berjaya dalam program ini akan mempelajari bagaimana untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan yang akan menyumbang kepada peningkatan keuntungan syarikat.

CAPACITY BUILDING

I. Technical Assistance

a) The Automotive Technical Experts Assistance Programme under the Malaysia-Japan Automotive Industry Cooperation (MAJAICO)

SME Corp. Malaysia was given the responsibility of handling the A-1 Project, the Automotive Technical Experts Assistance Programme under the initiative of the Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement (MJEPA). This programme, introduced in 2006, aims at upgrading the manufacturing processes of domestic automotive parts and components manufacturers. The capacity building programme uses the Lean Production System (LPS), a methodology developed originally by Toyota for the manufacture of its automobiles. It is also known as the Toyota Production System. The aim of the LPS is described as "to get the right things to the right place at the right time, the first time, while minimising waste and being open to change". Instead of devoting resources to planning what would be required for future automotive parts and components manufacturers, LPS focuses on reducing system response time so that the production system is capable of immediately changing and adapting to market demands. In effect, the production of automotive parts and components by SMEs became made-to-order (Just-in-Time). The principles of the LPS enabled the companies to deliver on demand, minimise inventory, maximise the use of multi-skilled employees, flatten the management structure, and focus resources on where they are most needed.

A total of 69 companies to date have participated in this programme. The companies were guided and monitored by 68 Japanese industrial experts with vast experience in the automotive industry. Together they have completed 133 improvement projects. The MAJAICO A-1 Project is scheduled to be completed by June 2011, with 150 projects expected to undergo an improvement in the production line efficiencies.

Essentially, every improvement process will be continually evaluated and improved in terms of time required, resources used, resultant quality, and other aspects relevant to the production line efficiencies. LPS, when applied to the workplace, promotes continuous improvement involving all levels of staff. Successful companies that have participated in the programme will learn to improve productivity and efficiency thus contributing to higher profit margins.



PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

SME DEVELOPMENT PROGRAMMES

Di bawah projek LPS, pelbagai penambahbaikan yang boleh diukur serta impak penting telah dijalankan menerusi aktiviti KAIZEN secara mingguan. Antara pencapaiannya adalah:

Under the LPS project, various measurable improvements and bottom-line impact were undertaken through the weekly KAIZEN activities. Among the achievements were:

BIDANG YANG MENDAPAT IMPAK / IMPACT AREA	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
Pengurangan Inventori (modal kerja) / Inventory (working capital) reduction	75%
Pengurangan kitaran masa / Cycle time reduction	50% to 90%
Pengurangan lead-time penghantaran / Delivery lead-time reduction	62%
Peningkatan produktiviti dan kualiti / Productivity and quality improvement	65% to 85%
Pengurangan kecacatan / Defect reduction	81%
Pengurangan masa penyediaan dai / Die setup time reduction	61%
Pengurangan tenaga kerja / Manpower reduction	20%
Pengurangan stok work in progress (WIP) / Work in progress(WIP) stock reduction	57%
Penjimatan ruang / Space savings	50%
Kecekapan loading / Loading efficiency	87%

b) Bantuan Dana di Bawah Pakej Rangsangan

Di bawah pakej rangsangan pertama, tiga jenis dana telah diperuntukkan bagi Projek MAJAICO A-1 untuk membantu syarikat yang terlibat dalam meneruskan pelaksanaan LPS, walaupun selepas projek ini tamat pada tahun 2011. Peruntukan tersebut telah diluluskan oleh MITI di bawah Dana Pembangunan Automotif (ADF) bernilai RM6.8 juta. Dana ini bertujuan untuk membantu syarikat yang terlibat bagi membangunkan jabatan LPS dalaman, mendapatkan khidmat nasihat teknikal daripada perunding bebas, dan mengalami keadaan sebenar pelaksanaan LPS di negara lain seperti Thailand dan Jepun.

• Melahirkan Pakar LPS Tempatan

Projek ini bertujuan untuk melahirkan pakar tempatan melalui kerjasama antara pakar dari Jepun dengan syarikat pengeluar peralatan dan komponen automotif tempatan. Pakar tempatan yang dilantik akan membuat lawatan tapak untuk mengumpul dan menyusun maklumat, seterusnya membimbing serta menasihati syarikat berhubung penambahbaikan yang diperlukan bagi mematuhi LPS. SME Corp. Malaysia telah melantik dua pakar tempatan untuk memantau prestasi sistem LPS 12 Syarikat Model Line di bawah MAJAICO-A1.

b) Funding Assistance under the Stimulus Package

Under the first stimulus package three types of funding were made available for MAJAICO A-1 to assist participating companies in sustaining the implementation of LPS, even after the MAJAICO A-1 project ends in 2011. The funds were approved by MITI under the Automotive Development Fund (ADF) amounting to RM6.8 million. These funds are aimed at assisting participating companies to develop in-house LPS department, acquire technical advice from independent consultants, and experience actual shop floor experience of LPS in other countries such as Thailand and Japan.

• Creating Local LPS Experts

This project aims to get Japanese experts to work with domestic automotive parts and components manufacturing companies to develop expertise of local experts. The appointed local experts will perform site visits to collate information, and subsequently guide and advice companies on improvements needed to comply with LPS. SME Corp. Malaysia has appointed two local experts to monitor the performance of the LPS system of the 12 Model Line Companies under the MAJAICO-A1.



- **Pembangunan Jabatan LPS Kaizen**

Projek pembangunan ini bertujuan mewujudkan Jabatan LPS dalaman di setiap syarikat yang mengambil bahagian, berserta dengan pasukan LPS-Kaizen yang berdedikasi. Syarikat tersebut akan menerima bantuan daripada pakar LPS tempatan yang dilantik untuk mengguna pakai dan menerapkan LPS dalam syarikat berkaitan. Jabatan LPS akan menjalankan latihan mengenai beberapa alat LPS.

- **Misi LPS ke Toyota, Thailand**

Dua lawatan LPS ke Toyota, Thailand dan syarikat yang berkaitan telah diadakan untuk mempelajari pengalaman dan amalan perniagaan terbaik. Dua misi tersebut diatur pada Jun dan Oktober 2009, melibatkan 59 peserta daripada syarikat Model Line, pakar LPS tempatan terlatih dan pakar dari Jepun, SME Corp. Malaysia, serta wakil pengeluar kereta nasional.

- **Development of LPS Kaizen Department**

This developmental project is aimed at setting up an in-house LPS Department in every participating company, with a dedicated LPS-Kaizen team. The companies will receive assistance from the appointed local LPS experts to adopt and incorporate LPS within their respective companies. The LPS Department will conduct training on several LPS tools.

- **LPS Mission to Toyota, Thailand**

Two LPS visits to Toyota, Thailand and its related companies were organised to learn best business practices and experiences. The two LPS missions were organised in June and October 2009, involving 59 participants from Model Line Companies, LPS-trained local and Japanese experts, SME Corp. Malaysia, and national car manufacturers.

II. Program Peningkatan Kemahiran

Program Peningkatan Kemahiran yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pekerja PKS. Program latihan ini ditawarkan oleh 40 Pusat Pembangunan Kemahiran (SDC) dan Penyedia Latihan Profesional (PTP) merangkumi kursus teknikal dan pengurusan seperti pemasaran, kewangan, komunikasi dan bimbingan perniagaan.

Seramai 8,364 pekerja daripada 4,835 PKS telah menghadiri latihan yang dikendalikan oleh institusi latihan ini.

III. Program Internship PKS-Universiti

Program Internship PKS-Universiti merupakan inisiatif bagi menghubungkan PKS dengan universiti sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan mewujudkan sinergi di antara industri dengan universiti untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS.

Program ini dibangunkan berdasarkan model Consulting Based Learning for ASEAN SMEs (CoBLAS), yang ahlinya terdiri daripada Indonesia, Jepun, Kemboja, Laos, Malaysia dan Thailand.

Di bawah Program ini, pelajar tahun akhir yang dibimbing oleh pensyarah, Kaunselor Perniagaan PKS daripada SME Corp. Malaysia dan pakar daripada Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) akan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh PKS. Mereka turut mencadangkan penyelesaian yang bersesuaian untuk penambahbaikan dalam bidang pengurusan, pengeluaran, pemasaran, perakaunan serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). PKS akan menerima manfaat daripada kemajuan terkini termasuk amalan perniagaan terbaik dan aplikasi teknologi.

Program ini juga memberi pendedahan industri kepada pelajar universiti mengenai operasi harian sebenar PKS serta aspek praktikal dalam pengajian mereka, di samping memupuk nilai keusahawanan di kalangan pelajar.

Projek perintis bagi Program ini telah dijalankan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2008. Penempatan 20 orang pelajar di lima PKS telah mencatatkan hasil yang positif di mana PKS telah menunjukkan peningkatan dalam perniagaan mereka, dari aspek pengurusan akaun, susun atur premis, serta penggunaan ICT bagi tujuan pemasaran.

Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan SME Corp. Malaysia pada 1 Disember 2008 untuk memperkenalkan Program ini kepada universiti awam yang lain. SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan tiga universiti iaitu UKM, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada tahun 2009.

II. Skills Upgrading Programme

The Skills Upgrading Programme implemented by SME Corp. Malaysia provides training to enhance the skills and capabilities of SME employees. The training programmes offered by the 40 appointed Skills Development Centres (SDCs) and the Professional Training Providers (PTPs), comprise both technical and managerial courses such as marketing, financing, communications and business coaching.

A total of 8,364 employees from 4,835 SMEs attended training programmes of the training institutions under this programme.

III. SME-University Internship Programme

The "SME-University Internship Programme" is an initiative to link SMEs with universities as part of the Government's effort to forge synergies between industries and universities in order to upgrade the capacity and capability of SMEs.

This Programme follows the Consulting Based Learning for ASEAN SMEs (CoBLAS) model, whose members are from Cambodia, Indonesia, Japan, Laos, Malaysia and Thailand.

Under this Programme, final year university students guided by their lecturers, SME Business Counsellors from SME Corp. Malaysia as well as experts from the SME Expert Advisory Panel (SEAP) will diagnose problems faced by the SMEs, and recommend possible solutions for improvements in the areas of management, production, marketing, accounting and information and communication technology (ICT). The programme would enable SMEs to benefit from recommendations on the latest developments in the respective areas including business best practices as well as technological applications.

This programme also provides university students with industry exposure on the actual day-to-day operations of SMEs and practical application of their field of studies. It can also serve to germinate seeds of entrepreneurship among the students.

A pilot project for this Programme was carried out in collaboration with Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in 2008. The attachment of 20 students at five SMEs registered positive outcome where the SMEs showed improvement in their businesses, in areas such as accounts management, premises layout, and ICT utilisation for marketing purposes.

A Memorandum of Understanding (MoU) was signed between the Ministry of Higher Education (MOHE) and SME Corp. Malaysia on 1 December 2008 to roll out this Programme to public universities. SME Corp. Malaysia collaborated with three Universities, namely UKM, Universiti Utara Malaysia (UUM) and Universiti Malaysia Kelantan (UMK) in 2009 to undertake this programme.

IV. Sokongan Inovasi bagi PKS

a) 1-Innovation Certification for Enterprise Rating & Transformation (1-InnoCERT)

Majlis Inovasi Kebangsaan (NIC) di bawah MOSTI, yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, telah merangka Agenda Inovasi Kebangsaan (NIA) pada November 2007. Matlamat NIA adalah untuk mewujudkan ekonomi kebangsaan yang dipacu oleh inovasi menerusi pembangunan pasaran serta inovasi berteraskan teknologi bagi mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat. Majlis juga menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Inovasi Negara (JTPIN) yang memastikan keputusan Majlis mengenai NIA dilaksanakan.

Di bawah JTPIN, SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk memimpin Jawatankuasa Inovasi PKS, bertujuan memacu dan menyokong pembangunan PKS yang berinovasi. Jawatankuasa ini telah membangunkan program 1-Innovation Certification for Enterprise Rating & Transformation (1-InnoCERT) bagi mengenal pasti dan memberikan pensijilan kepada PKS yang berinovasi. 1-InnoCERT bertujuan untuk memupuk enterpris yang berinovasi melalui penggalakan dan peningkatan terhadap aktiviti R&D tempatan serta inovasi. PKS yang berkelayakan akan diberi bantuan lanjutan di bawah Program Fast Track (FTP) bagi mengurangkan masa yang diperlukan untuk ke pasaran, dengan menyediakan akses untuk menampung risiko modal, termasuk pemerolehan teknologi.

Pada tahun 2009, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Malaysia Industry Government Group for High Technology (MIGHT), telah membangunkan kriteria bagi Pensijilan 1-InnoCERT yang mengenal pasti dan mengesahkan bahawa syarikat yang akan diberi bantuan adalah berinovasi dan mematuhi standard inovasi. Program ini akan dilaksanakan pada tahun 2010.

b) Technology Market (TECHMART)

TECHMART, ialah portal internet yang telah dibangunkan dengan kerjasama Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) sebagai satu platform untuk memudahkan syarikat dalam mengenal pasti penemuan penyelidikan yang sesuai untuk dikomersialkan. Sejumlah 1,234 penemuan penyelidikan dan 18,413 profil penyelidik boleh didapati dalam pangkalan data ini. Penemuan penyelidikan ini telah dipadankan dengan bantuan kewangan yang bersesuaian bagi membantu PKS dalam aktiviti pengkomersialan. TECHMART boleh dicapai menerusi laman web SME Corp. Malaysia di www.smecorp.gov.my

c) Akses kepada Pengetahuan Perdagangan dan Industri

Usaha untuk melengkapkan dan memaklumkan PKS mengenai pengetahuan terkini dalam industri adalah penting bagi menyokong pertumbuhan perniagaan dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi perubahan dalam persekitaran perniagaan. Bagi tujuan ini, sebanyak 25 bengkel dan seminar telah dijalankan pada tahun 2009 di seluruh negara, merangkumi pelbagai topik termasuk amalan perniagaan terbaik, pematuhan standard halal, hal berkaitan undang-undang, peraturan perdagangan dan perindustrian, perkembangan teknologi, serta maklumat terkini mengenai program sokongan untuk PKS. Sesi ini, yang menyediakan platform untuk peserta bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman telah dihadiri oleh 4,499 peserta.

IV. Supporting Innovation for SMEs

a) 1-Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation (1-InnoCERT)

The National Innovation Council (NIC) under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), chaired by the Prime Minister, formulated the National Innovation Agenda (NIA) in November 2007. Its objective is to achieve a national innovation-led economy by developing market and technology-driven innovation for the purpose of wealth creation and the well-being of the community. The Council had also established the Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Inovasi Negara (JTPIN), a committee to steer the decisions on NIA.

SME Corp. Malaysia has been entrusted by the JTPIN to lead the Innovation for SMEs Committee, to specifically drive and support the development of innovative SMEs. The Committee has developed the 1-Innovation Certification for Enterprise Rating & Transformation (1-InnoCERT) Programme to identify and certify innovative SMEs, with the objective of fostering innovative enterprises through harnessing and intensifying home-grown R&D and innovation. Qualified SMEs will be further assisted under the Fast Track Programme (FTP) to shorten the time-to-market by providing ready access to capital including for technology acquisition.

SME Corp. Malaysia in 2009 in collaboration with the Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) developed the criteria for 1-InnoCERT Certification that will be used to certify companies that are innovative, and comply with the innovation standard. This programme will be implemented in 2010.

b) Technology Market (TECHMART)

Technology Market (TECHMART), an internet portal was developed in collaboration with the Malaysian Science and Technology Information Centre (MASTIC) as a platform to assist companies which are in the process of identifying suitable research findings for commercialisation. A total of 1,234 research findings and 18,413 researchers' profiles are available in this database. The research findings are pre-matched with suitable financial assistance to assist commercialisation of these findings by SMEs. TECHMART can be accessed through SME Corp. Malaysia portal at www.smecorp.gov.my.

c) Access to Trade and Industry Knowledge

It is imperative for SMEs to be equipped and updated with the current industry knowledge to support their business growth, and prepare them for changes in the business environment. A total of 25 workshops and seminars were conducted for this purpose in 2009 throughout the country, covering various topics including best business practices, halal compliance, legal matters, trade and industrial regulations, technology insights as well as update on support programmes for SMEs. These sessions attracted 4,499 participants and provided a platform to exchange business knowledge and experiences among the participants.



Dalam usaha mengukuhkan pengetahuan PKS mengenai teknologi masa depan dalam pelbagai industri, kajian Technology Roadmap yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan telah disatukan bagi tujuan mengenal pasti jurang dalam teknologi maklumat. Hasil penemuan Technology Roadmap ini telah disebarkan kepada PKS, bagi menyediakan mereka dengan maklumat terkini mengenai teknologi terbaik dan bersesuaian, termasuk Technology Mapping dalam pelbagai sub-sektor industri. Sehingga Disember 2009, sebanyak lima Technology Roadmap telah disiapkan dan dikongsi bersama PKS, iaitu:

- sektor elektrik dan elektronik oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC);
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);
- bioteknologi oleh Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Biotechcorp);
- industri getah oleh Lembaga Getah Malaysia (MRB); dan
- industri plastik oleh Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA)

V. Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP)

Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) yang dianggotai oleh pakar industri ditubuhkan bagi menyediakan khidmat nasihat teknikal dan perniagaan kepada PKS, bertujuan mempertingkatkan operasi perniagaan. Pada tahun 2009, seramai 13 pakar industri lagi telah dilantik daripada pelbagai bidang, menjadikan jumlah pakar SEAP kepada 75 orang. Melalui panel ini, 17 PKS telah dibantu oleh pakar dalam pelbagai aspek seperti pengeluaran, pembungkusan produk dan kualiti.

In order to strengthen the knowledge of SMEs on forecast technologies in various industries, Technology Roadmap studies undertaken by various Government agencies were consolidated to identify the gaps in technology information. The Technology Roadmap findings were disseminated to SMEs to provide them with the latest information on the best and most appropriate technologies, including Technology Mapping for the various industry sub-sectors. Five Technology Roadmaps for industries as of December 2009 have been completed and shared with the SMEs covering:

- *electrical and electronics (E&E) sector by the Penang Skills Development Centre;*
- *information and communication technologies (ICT) by the Ministry of Science and Technology (MOSTI);*
- *biotechnology by the Malaysian Biotechnology Corporation (Biotechcorp);*
- *rubber industry by the Malaysian Rubber Board (MRB); and*
- *plastics industry by the Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA).*

V. SME Experts Advisory Panel Programme

The SME Experts Advisory Panel Programme (SEAP) comprising industry experts was developed to provide technical and business advisory services to SMEs in improving business operations and practices. An additional 13 industry experts were appointed in 2009 from various backgrounds bringing the total number of SEAP experts to 75. Through this Panel, 17 SMEs were assisted by the experts in areas such as production, product packaging and quality.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

SME DEVELOPMENT PROGRAMMES



VI. Program Peningkatan Keupayaan PKS Bumiputra (BEEP)

SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri berserta agensi pusat seperti SIRIM, MATRADE, SME Bank, MARDI dan MARA, dalam usaha meningkatkan pembangunan PKS Bumiputera. Di bawah program ini, PKS Bumiputera dibantu melalui program bantuan bersepadu yang merangkumi khidmat nasihat teknikal dan skim bantuan kewangan. Pada tahun 2009, sejumlah 311 syarikat telah mendapat manfaat daripada Program ini, di mana 402 projek penambahbaikan telah diluluskan bersama geran bernilai RM33.3 juta.

BEEP sedang dilaksanakan di Terengganu, Melaka dan Pulau Pinang. Pada tahun 2009, pelaksanaan BEEP telah diperluaskan ke negeri Johor dan Kelantan. Di bawah BEEP, syarikat yang mengambil bahagian telah dinilai menerusi Program Penarafan Daya Saing untuk Peningkatan PKS (SCORE), di mana penilaian telah dibuat ke atas prestasi semasa syarikat, aspek yang memerlukan penambahbaikan telah dikenalpasti, dan pelan tindakan dibangunkan. Ini akan membantu dalam penyediaan inisiatif penambahbaikan serta bantuan lain yang diperlukan syarikat. Syarikat akan dibimbing, dibantu dan dipantau bagi tempoh tiga tahun. Daripada 311 syarikat yang menyertai program BEEP ini, 40 syarikat telah menerima bantuan untuk tempoh lebih daripada dua tahun.

Berdasarkan sistem audit SCORE, 78% daripada syarikat tersebut telah menunjukkan peningkatan dalam penilaian SCORE, yang menunjukkan peningkatan dalam beberapa aspek termasuk pembungkusan produk, peningkatan dalam jualan, serta dalam kapasiti dan keupayaan pengeluaran.

VII. PROGRAM PENARAFAN DAYA SAING PKS UNTUK PENINGKATAN (SCORE)

SCORE telah dibangunkan sebagai satu alat pengukuran dan penilaian serta prestasi keupayaan PKS menerusi mekanisme khusus. Keupayaan dan prestasi setiap syarikat diukur berdasarkan enam hingga tujuh parameter yang berbeza mengikut sektor. Parameter ini termasuk keupayaan pengurusan, pengurusan operasi, aplikasi teknologi, inisiatif pensijilan, keupayaan teknikal, kewangan dan pemasaran.

VI. Bumiputera Enterprise Enhancement Programme

SME Corp. Malaysia collaborated with State Government agencies and other agencies such as SIRIM, MATRADE, SME Bank, MARDI and MARA to further enhance the development of Bumiputera SMEs. Under the Programme, Bumiputera SMEs benefitted from integrated assistance programmes comprising technical advice and financial assistance schemes. As at end of 2009, a total of 311 companies had benefitted from the Programme in which 402 improvement projects were approved with grants amounting to RM 33.3 million.

Bumiputera Enterprise Enhancement Programme (BEEP) is being implemented in Terengganu, Melaka and Pulau Pinang. In 2009, BEEP was extended to Johor and Kelantan. Under the programme, participating SMEs are evaluated through the SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE) where their current performance is rated, areas for improvement identified, and action plan developed. This then facilitates the designing of improvement initiatives as well as assistance needed by the company. SMEs are then guided, assisted and monitored for a duration of three years. Out of 311 companies that participated under BEEP, 40 received assistance for a period of more than two years.

Based on the SCORE auditing system, 78% of the participating companies showed improvements on the rating, which indicated enhancement in some areas including upgrading of product packaging and increase in sales, production capacity and capability.

VII. SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE)

SCORE was developed as a tool to diagnose and rate performance and capabilities of SMEs through a mechanism to track and evaluate a company's performance. The capabilities and performance of each company is measured based on six to seven parameters which varies according to sectors. The parameters include management capability, operation management, technology adoption, certification initiatives, technical capability, financial capability and marketing capability.

PKS akan dikategorikan daripada 'Tiada Bintang' hingga maksima '5 Bintang' selepas penilaian dibuat. Berdasarkan penarafan 0 hingga 5 Bintang, ia akan digunakan sebagai satu petunjuk mengenai kedudukan keupayaan mereka. Ciri-ciri umum sesebuah syarikat berdasarkan penarafan bintang adalah:

SMEs will be categorised from '0 Star' to a maximum of '5 Stars' after the SCORE evaluation. Based on the rating of 0 to 5 Stars, it will be used as an indicator of the state of their capabilities. General characteristics of companies based on star ratings are as follows:

PENARAFAN RATING	CIRI-CIRI PKS CHARACTERISTICS OF SMEs
0	Operasi yang sangat asas, proses manual dan pertumbuhan purata negatif; <i>Very basic operation, manual process and negative average growth;</i>
1	Proses manual, sistem pengurusan kualiti minimum diamalkan, diatur, pertumbuhan purata negatif; <i>Manual process, minimal quality management system in place, negative average growth;</i>
2	Proses semi-automasi, pensijilan pematuhan asas, aktiviti minima dalam penambahbaikan produk dan proses, pertumbuhan purata minima; <i>Semi-automated process, basic certification/compliance, minimal activities in product and process improvement, minimal average growth;</i>
3	Automasi yang luas, sistem pengurusan kualiti yang teratur, penambahbaikan produk dan proses dilaksanakan, hak harta intelek didaftarkan, agak bersedia untuk pensijilan pematuhan eksport; <i>Extensive automation, quality management system in place, product and process improvement carried, Intellectual Property Rights (IPR) registered, moderately ready for export compliance certification;</i>
4	Automasi sepenuhnya, potensi besar untuk eksport, pelaburan tinggi dalam penambahbaikan produk dan proses, dengan pensijilan untuk eksport. Contoh: CE Marking, GMP, HACCP; dan <i>Fully automated, high potential for export, high investment in product and process improvement, with certification for export. e.g. CE Marking, GMP, HACCP; and</i>
5	Mempunyai penjenamaan dan pembungkusan yang baik, telah mengeksport ke negara luar, mematuhi syarat pensijilan yang dikenakan oleh negara pasaran eksport. <i>Have good branding, packaging, already exporting to other countries, complying with exporting countries' certification requirements.</i>



PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

SME DEVELOPMENT PROGRAMMES

Pada tahun 2009, SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Kementerian Pertahanan (KEMANTAH) dan Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC) dalam membangunkan model SCORE, masing-masing untuk sektor Maintenance, Repairing dan Overhaul (MRO), dan Perkhidmatan Profesional berkaitan sektor pembinaan. Sehingga Disember 2009, enam model SCORE telah dibangunkan untuk menilai prestasi dan keupayaan PKS.

SCORE membolehkan SME Corp. Malaysia menilai kekuatan dan kelemahan sebuah syarikat. Melalui penilaian ini, cadangan penambahbaikan boleh diberikan sebagai bantuan khusus atau kemudahan eksport. Syarikat dalam kategori 3 bintang dan ke atas telah bersedia untuk pasaran eksport, dan telah dihubungkan kepada MATRADE. Syarikat dalam kategori 2-bintang dan ke bawah pula akan diberi bimbingan khusus dan dibantu melalui pakej bantuan bersepadu bagi membantu perniagaan mereka berkembang.

Pada 2009, sejumlah 2,878 PKS yang merupakan penerima geran dan peserta dalam program pembangunan SME Corp. Malaysia, termasuk PKS di bawah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) (89 syarikat), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) (42 syarikat), MDeC (714 syarikat), KEMANTAH (35 syarikat) dan PSDC (13 syarikat) telah dinilai, dan penarafan bintang mereka adalah:

SME Corp. Malaysia in 2009 in collaboration with the Multimedia Development Corporation (MDeC), Ministry of Defence (MINDEF) and the Professional Services Development Corporation (PSDC) developed the SCORE models for the Maintenance, Repair and Overhaul (MRO) sub-sector as well as professional services related to construction sector. Six SCORE models have been developed as of December 2009 to rate the performance and capabilities of SMEs.

SCORE enables SME Corp. Malaysia to assess the strengths and weaknesses of a company. Through this assessment, recommendations for improvements could be either in the form of targeted assistance or export facilitation. Companies in the 3 Stars category and above are ready for the export market and are therefore recommended to MATRADE. Those in the 2 Stars category and below will be hand-held and provided with an integrated assistance package to facilitate their growth in business.

A total of 2,878 SMEs in 2009 are grant recipients and participants in SME Corp. Malaysia's development programmes, including SMEs under Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) - 89 companies, Construction Industry Development Board (CIDB) - 42 companies, MDeC - 714 companies, MINDEF - 35 companies and PSDC - 13 companies) were assessed and their ratings were:

PENARAFAN RATING	JUMLAH PKS NO. OF SMEs	PERATUSAN (%) PERCENTAGE (%)
Jumlah / TOTAL	2878	100
Tiada Bintang / 0-Star	169	5.9
1- Bintang / 1-Star	678	23.6
2- Bintang / 2-Star	1227	42.6
3- Bintang / 3-Star	711	24.7
4- Bintang / 4-Star	93	3.2
5- Bintang / 5-Star	Tiada / None	Tiada / None

Enam model SCORE yang dibangunkan telah digunakan untuk memantau dan merekodkan kemajuan PKS yang telah menerima manfaat daripada skim bantuan kewangan yang disediakan.

The six SCORE models developed have been used to monitor and chart the progress of respective SMEs that have benefited from the financial assistance schemes.



KERJASAMA ANTARABANGSA INTERNATIONAL COOPERATION



PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)

Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat ASEAN Small and Medium Enterprises Working Group (SMEWG) Ke-24 pada 20 hingga 22 Mei 2009 di Putrajaya. Antara isu yang telah dibincangkan adalah hasil projek di bawah ASEAN Policy Blueprint for SME Development (APBSD) 2004 hingga 2014. Sejumlah 14 projek sedang dilaksanakan di bawah APBSD. Empat projek yang diterajui Malaysia:

- “ASEAN Franchise Training Programme” – projek oleh Persatuan Francais Malaysia;
- “Development of Multi-Media Self-Reliant Toolkit Package” – projek oleh SIRIM Berhad;
- “Technology Transfer for ASEAN SMEs” – projek oleh SIRIM Berhad; dan
- “Establishment of SME Financial Facility in each ASEAN Member State” – kerjasama antara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Filipina menganjurkan Mesyuarat ASEAN SMEWG Ke-25 dan 6th Joint Consultation between the ASEAN SMEWG and SME Agencies of the Plus Three Countries (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea) pada 17 dan 18 November 2009.

Mesyuarat ASEAN SMEWG Ke-25 telah merangka terma rujukan (TOR) bagi cadangan penubuhan ASEAN SME Council (ASC). Fungsi utama ASC yang dicadangkan adalah untuk mewujudkan kerjasama langsung antara sektor awam dan swasta mengenai isu berkaitan pembangunan PKS. Deraf terma rujukan ini akan dibentangkan pada Senior Economic Officials’ Meeting (SEOM) pada Januari 2010 bagi tujuan pertimbangan.

BENGKEL ASEAN BENCHMARKING INDEX

Bengkel ASEAN Benchmarking Index, satu projek di bawah pembiayaan Japan Overseas Development Corporation (JODC) telah dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), pada 23 dan 24 November 2009. Objektif program latihan ini adalah untuk mengenalpasti penanda aras serta amalan terbaik serantau bagi di kalangan anggota PKS ASEAN, menyediakan platform amalan terbaik antara syarikat dan serantau bagi PKS ASEAN, menganalisis prestasi PKS secara komprehensif dan objektif menggunakan nisbah prestasi utama, serta membandingkan prestasi di peringkat antarabangsa. Bengkel ini disertai peserta dari Brunei Darussalam, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Thailand dan Vietnam.

ASSOCIATION OF SOUTH-EAST ASIAN NATIONS (ASEAN)

The 24th Meeting of the ASEAN Small and Medium Enterprises Working Group (SMEWG) was hosted by Malaysia from 20-22 May 2009 in Wilayah Persekutuan Putrajaya. Discussions focused on deliverables under the ASEAN Policy Blueprint for SME Development (APBSD) 2001-2014 and funding difficulties for project implementation. A total of 14 projects are currently implemented under APBSD. Four projects are spearheaded by Malaysia:

- “ASEAN Franchise Training Programme” – project proponent Malaysia Franchise Association;
- “Development of Multi-Media Self-Reliant Toolkit Package” – project proponent SIRIM Berhad;
- “Technology Transfer for ASEAN SMEs” – project proponent SIRIM Berhad; and
- “Establishment of SME Financial Facility in each ASEAN Member State” - joint collaboration between Brunei Darussalam and Malaysia.

The Philippines hosted the 25th Meeting of the ASEAN SMEWG and the 6th Joint Consultation between the ASEAN SMEWG and SME Agencies of the Plus Three Countries (the People’s Republic of China, Japan, the Republic of Korea), from 17-18 November 2009.

The 25th ASEAN SMEWG drafted the terms of reference (TOR) for the proposed establishment of an ASEAN SME Council (ASC). Primary function of the proposed ASC is to establish direct collaboration between the public and private sectors on issues related to SME development. The draft TOR will be tabled at the Senior Economic Officials’ Meeting (SEOM) in January 2010 for consideration.

ASEAN BENCHMARKING INDEX WORKSHOP

The ASEAN Benchmarking Index Workshop for the Textile Industry, a project funded by Japan Overseas Development Corporation (JODC) and implemented by the Malaysia Productivity Corporation (MPC) was held on 23-24 November 2009. The objectives of the training programme were to identify regional benchmarks and best practices among ASEAN SMEs, provide ASEAN SMEs with a platform for discussion on inter-company and regional best practices, analyse SME performance in a comprehensive and objective manner using key performance ratios, as well as compare their performance worldwide. Participants from Brunei Darussalam, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Thailand and Viet Nam attended the workshop.

KERJASAMA ANTARABANGSA

INTERNATIONAL COOPERATION

KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (APEC)

Mesyuarat APEC Small and Medium Enterprises Working Group (SMEWG) Ke-29 dan APEC Small and Medium Enterprises Ministerial Meeting (SMEEM) Ke-16 telah berlangsung pada 5 hingga 9 Oktober 2009 di Singapura. Mesyuarat yang bertemakan “Helping SMEs Access Global Markets and Overcome Trade Barriers” telah membincangkan langkah-langkah untuk membantu pertumbuhan PKS selepas krisis kewangan, membangunkan penyelidikan pemasaran dan keupayaan untuk akses pasaran, serta menyokong pelaksanaan Pelan Strategik PKS APEC.

Pada Mesyuarat tersebut, para menteri telah mengesahkan senarai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah dibangunkan dan menyokong penggunaannya bagi memantau pelaksanaan Pelan Strategik ini. Para menteri turut menyokong cadangan untuk mengadakan “Champion Economies” bagi setiap bidang keutamaan untuk memacu pelaksanaan inisiatif yang dijalankan oleh setiap ahli. Malaysia telah menawarkan diri untuk mengetuai KPI di bawah kategori Persekitaran Perniagaan.

SEMINAR “APEC SME TECHNOLOGY ENTREPRENEUR”

Malaysia telah menganjurkan Seminar APEC SME Technology Entrepreneur pada 3 hingga 5 Jun 2009 di Kuala Lumpur. Bertemakan “Innovation & Technology – The Sustaining Power of SMEs in the Global Economic Crisis”, Seminar ini merupakan kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan Department of Commerce Amerika Syarikat, di bawah APEC SMEWG.

Para pembentang telah membincangkan mengenai kemahiran ICT dan pensijilan ICT, pengenalan kepada inovasi/keusahawanan dan standard, isu-isu organisasi, polisi umum yang menggalakkan keusahawanan bagi memupuk inovasi, serta program Kerajaan bagi menyokong PKS dan keusahawanan.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

Pada tahun 2009, dua Memorandum Persefahaman telah dimeterai oleh SME Corp. Malaysia dengan Syrian Enterprise and Business Centre (SEBC) dan Directorate General for the Development of Small and Medium Enterprises (DGDSME) Oman masing-masing pada 7 Januari dan 4 Jun 2009.

SME Corp. Malaysia bersama rakan MoU akan bekerjasama dalam bidang berikut berdasarkan terma yang dipersetujui:

- pertukaran maklumat mengenai polisi dan program sokongan yang berkaitan dengan pembangunan PKS;
- menyediakan bantuan kepada PKS di kedua-dua buah negara untuk menjalin hubungan perniagaan, rantaian dan jaringan kerjasama menerusi portal perdagangan dan padanan perniagaan antara kedua-dua negara;



ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION

The 29th Meeting of the APEC Small and Medium Enterprises Working Group (SMEWG) and the 16th APEC Small and Medium Enterprises Ministerial Meeting (SMEEM) were held from 5-9 October 2009 in Singapore. Themed “Helping SMEs Access Global Markets and Overcome Trade Barriers”, the meetings discussed ways of assisting SMEs to position themselves for growth after the financial crisis, developing market research and market access capabilities as well as supporting the implementation of the APEC SME Strategic Plan.

The Ministers endorsed the list of Key Performance Indicators (KPIs) developed, and supported their adaptation to track the progress of the Strategic Plan. The Ministers also supported the proposal of having Champion Economies in each priority area to drive implementation of the initiatives undertaken by various economies. Malaysia volunteered to lead the KPI under the Business Environment category.

APEC SME TECHNOLOGY ENTREPRENEUR SEMINAR

Malaysia hosted the APEC SME Technology Entrepreneur Seminar from 3-5 June 2009 in Kuala Lumpur. Themed “Innovation & Technology – The Sustaining Power of SMEs in the Global Economic Crisis”, the Seminar was a joint collaboration between SME Corp. Malaysia and the United States Department of Commerce under the purview of the APEC SMEWG.

The speakers addressed ICT skills and certifications, introduction to innovation/entrepreneurship and standards, organisational issues, public policies that promote entrepreneurship to foster innovation, and government programmes that support SMEs and entrepreneurship.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU)

Two Memorandum of Understanding were signed by SME Corp. Malaysia with the Syrian Enterprise and Business Centre (SEBC) and the Directorate General for the Development of Small and Medium Enterprises (DGDSME) of Oman on 7 January and 4 June 2009 respectively.

Parties to the MoUs will cooperate in the following areas on mutually agreed terms:

- exchange information on policy and support programmes in relation to the development of SMEs;
- provide assistance to SMEs of both countries in establishing business contacts, linkages and networking through trade portals and business matching between both countries;



- menganjurkan mesyuarat, seminar, bengkel dan pameran perdagangan secara bersama di kedua-dua buah negara atau negara ketiga untuk mempromosi pelaburan, usahasama dan perkongsian maklumat;
- pertukaran lawatan bagi tujuan pembelajaran, latihan dan perkongsian kepakaran berkaitan program bantuan untuk PKS di kedua-dua negara;
- memudahkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan serta teknologi dalam pemprosesan makanan, sektor elektrik dan elektronik, berasaskan sumber dan lain-lain yang dipersetujui oleh kedua-dua negara;
- menggalakkan pakatan strategik antara PKS di kedua-dua negara untuk menyokong perdagangan kedua-dua negara, serta memanfaatkan kekuatan satu sama lain; dan
- saling menyampaikan maklumat mengenai pameran yang diadakan di kedua-dua negara, serta menyokong penyertaan PKS dalam kerangka insentif dan peraturan relevan yang berkaitan.

PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (PKTM)

SME Corp. Malaysia menganjurkan Program Latihan PKTM bagi Pegawai dari Agensi Bertanggungjawab untuk pembangunan PKS dari Negara-negara OIC/D8 pada 7 hingga 17 Disember 2009 di Kuala Lumpur. Seramai 25 peserta dari 15 negara OIC/D8 iaitu Azerbaijan, Bangladesh, Brunei, Indonesia, Iran, Jordan, Kyrgyzstan, Mesir, Nigeria, Oman, Palestin, Sudan, Turki, Uganda dan Yaman telah menyertai program ini.

Menyedari kepentingan program ini, para peserta telah mengusulkan agar program kerjasama serantau dalam bidang pembangunan PKS di kalangan negara OIC/D8 dibincangkan pada mesyuarat OIC, serta satu kajian untuk menyeragamkan definisi PKS di kalangan negara peserta dijalankan.

MESYUARAT MEJA BULAT PKS ASIA TIMUR KE-4

